



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

Parlimen Ketujuh

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third *Session*

Jilid III

Bil. 2

Hari Selasa

28hb Mac, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada DYMM. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong - Y.B. Pandikar Amin Haji Mulia

(Ruangan 36)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 28hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

OTO TIGA RODA (OTOBECA)

1. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan memandangkan kekurangan kenderaan pengangkutan di bandar-bandar baru dan rancangan FELDA yang pesat membangun adakah:

- (a) Kerajaan akan memperkenalkan oto tiga roda (OTOBECA) sebagai salah satu kenderaan pengangkutan yang lebih murah dan mudah diusahakan; dan
- (b) Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk membenarkan kenderaan jenis ini digunakan di tempat yang tertentu.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji

Taha]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada 25hb September, 1985 bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan OTO TIGA RODA (OTOBECA) sebagai salah satu jenis kenderaan pengangkutan awam. Rasionalnya ialah kerana kenderaan sedemikian difikirkan tidak seuai digunakan di jalanraya di Malaysia dipandang dari aspek keselamatan dan akan menambahkan kesesakan lalulintas yang sedia ada. Lagipun, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 tidak mempunyai peruntukan bahawa kenderaan sedemikian boleh dilesenkan di bawah mana-mana kategori Pengelasan dan Pelesenan Kenderaan Perdagangan setakat ini.

- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membenarkan kenderaan jenis ini digunakan sebagai kenderaan bagi pengangkutan awam. Kuasa mengeluarkan lesen kesemua jenis kenderaan perdagangan adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang terletak di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

PENCEMARAN ASAP KENDERAAN

2. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi pencemaran dari asap kenderaan dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi pencemaran dari asap kenderaan dalam Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

- (i) Menguatkuasa Kaedah-kaedah Motor Kawalan Pelepasan Asap dan Gas 1987 oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dengan bantuan dan kerjasama dari pihak. Polis Trafik Bandaraya dan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan melalui pemeriksaan secara mengejut di sekatan-sekatan jalanraya dan rondaan oleh Unit Peronda bersama Jabatan Alam Sekitar Polis.
- (ii) Menjalankan pemeriksaan keselamatan berjadual ke atas kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap kenderaan-kenderaan komersial setiap 6 bulan sekali.

MINYAK KELAPA SAWIT - KAJIAN DAKYAH

3. **Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha yang dijalankan oleh unit khas Kementerian beliau terhadap pengkajian segala dakyah terhadap minyak kelapa sawit yang dilakukan secara langsung mahupun secara tidak langsung. Adakah satu kempen yang saintifik dijalankan kepada semua pengguna minyak terhadap kebersihan minyak ini dari segi penyakit atau perkara-perkara yang boleh membawa bahaya kepada pengguna.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama dengan kerjasama lain-lain agensi Kerajaan dan pihak perusahaan sendiri sentiasa mengesan dan mengkaji dakyah-dakyah yang dilakukan terhadap minyak kelapa sawit. Untuk membanteras dakyah-dakyah Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat (ASA) dan penyokong-penyokongnya yang tidak mempunyai asas yang saintifik, tindakan menyebarkan fakta-fakta sebenar mengenai kelapa sawit yang berasaskan penemuan saintifik kepada para pengguna dan juga pengusaha-pengusaha bidang pemakanan telahpun dijalankan dari semasa ke semasa. Penyebaran maklumat-maklumat tersebut dilaksanakan melalui pengedaran risalah-risalah, mengadakan seminar dan perjumpaan mengenai khasiat dan nilai pemakanan minyak kelapa sawit dan juga meletakkan iklan di beberapa buah akhbar di Amerika Syarikat.

Di samping itu, projek-projek penyelidikan untuk mengesahkan semula khasiat dan kebaikan minyak kelapa sawit telah juga diatur di Amerika Syarikat dan semoga ahli-ahli sains di Amerika Syarikat akan dapat menilai sendiri perkara ini, serta beberapa negara lain juga, kajian yang serupa sedang dijalankan. Beberapa penemuan projek-projek tersebut telahpun diperolehi dan telahpun diumumkan dan bagi

projek-projek penyelidikan yang masih belum disiapkan, penemuannya atau hasil penyelidikan tersebut akan diumumkan sebaik sahaja ia diperolehi untuk membuktikan bahawa minyak kelapa sawit adalah minyak yang berkhasiat dan mempunyai banyak faedah.

Saya ingin menegaskan di sini iaitu apa-apa juga kenyataan yang kita buat terhadap kebaikan, minyak kelapa sawit adalah berasaskan penemuan-penemuan saintifik dan penuh tanggungjawab dan bukan dibuat secara melulu seperti dakyah-dakyah yang dilakukan oleh pihak ASA dan penyokong-penyokong mereka untuk menakut-nakutkan pihak pengguna. Kita sedar perkara ini berpunca semata-mata dari segi soal perdagangan dan isu kesihatan yang digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat cuma merupakan untuk kepentingan perdagangan mereka semata-mata.

Puan Habidah binti Jusoh: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Perusahaan Utama iaitu tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa Kerajaan sedar dan memberitahu semua rakyat bahawa minyak kelapa sawit banyak faedah dan khasiatnya. Tidakkah Kerajaan sedar bahawa minyak sawit ini walaupun telah diberitahu kepada rakyat, tetapi tidak menyakinkan lebih-lebih lagi kepada mereka yang menghadapi penyakit-penyakit jantung. Adakah tindakan yang berkesan ke arah itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, orang yang sakit memang susah untuk diyakinkan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa menjalankan apa juga ikhtiar untuk memberi pendidikan kepada rakyat umumnya, bukan sahaja di luar negeri, bahkan juga di dalam negeri tentang khasiat-khasiat yang terkandung di dalam minyak kelapa sawit yang menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit, bukan sahaja tidak seperti yang didakwa menambah kolestrol di dalam badan, tetapi sebenarnya mempunyai unsur-unsur yang boleh melawan kolestrol dalam badan, dan yang lebih pentingnya mempunyai Vitamin E iaitu satu vitamin yang amat penting untuk mengawetkan muda seseorang itu. Jadi, kalau sesiapa yang ingin kelihatan muda, terutama kaum wanita, saya syorkan makan lebih banyak minyak kelapa sawit [**Ketawa**].

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri akan mengambil beberapa perhatian terhadap apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai satu rahsia untuk kekal awet muda. Tetapi saya berdiri untuk satu

soalan tambahan berkaitan dengan kempen untuk melawan dakyah anti kelapa sawit ini. Setakat ini berapakah yang telah dibelanjakan oleh pihak Kementerian dalam usaha-usaha menentang dakyah anti penggunaan minyak kelapa sawit ini dan berapa banyakkah anggaran yang diperuntukkan untuk kempen-kempen melawan dakyah seterusnya dan setakat manakah perbelanjaan ini telah dapat dijustifikasikan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah membelanjakan, khususnya untuk mengadakan iklan-iklan di dalam akhbar-akhbar yang terkemuka di Amerika Syarikat berjumlah \$250,000 Amerika Syarikat ataupun \$667,800 Malaysia. Mengenai banyak yang diperuntukkan, setakat ini kita menganggarkan bahawa kita akan dapat mengutip sebanyak \$10 juta setiap tahun melalui kutipan ses yang dikenakan ke atas minyak kelapa sawit. Dan walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan itu bukanlah semata-mata untuk melawan kempen ASA tetapi termasuk belanja-belanja untuk tujuan promosi memasarkan minyak kelapa sawit supaya dapat pasaran-pasaran untuk lebih banyak di dunia ini.

Mengenai kesan atau natijah daripada kempen ini, wang yang dibelanjakan ini iaitu justifikasi seperti yang diminta oleh Menteri Yang Berhormat, di Amerika Syarikat sendiri selepas kita telah mengeluarkan iklan-iklan di dalam beberapa akhbar terkemuka telah berlaku satu perdebatan di antara rakyat Amerika Syarikat sendiri. Ada yang bersetuju dengan kita dan ramai juga yang tidak bersetuju, terutama golongan penyokong-penyokong ASA, Namun demikian, banyak para saintis sendiri telah menyatakan pendirian mereka secara terang-terang bahawa iklan-iklan memburukkan minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh pihak penyokong-penyokong ASA adalah tidak

berdasarkan maklumat-maklumat saintifik. Jadi, dari segi jangka pendeknya keaan yang kita dapati daripada kempen ini ada minat di kalangan rakyat Amerika Syarikat sendiri untuk membahaskan tentang mutu minyak kelapa sawit ini dan ini merupakan satu permulaan yang baik.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada berkempen mengenai kebaikan minyak kelapa sawit ini, tidak ada jalan lainkah yang Kerajaan Malaysia boleh buat kepada badan-badan yang sengaja memburuk-burukkan kelapa sawit. Maksud saya, tidak bolehkah Kerajaan Malaysia menyaman atau mengambil tindakan undang-undang kepada mereka itu kalau dakwaan mereka tidak betul; semata-mata untuk memburukkan hasil kita. Sekian.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang yang mendakwa sebagai Presiden persatuan, apa yang dinamakan Persatuan Penyelamat Jantung Amerika Syarikat yang bernama Mr. Sekolof oleh kerana adanya iklan-iklan yang sangat dahsyat yang dibuat olehnya di dalam akhbar-akhbar di Amerika Syarikat dengan tajuk "The Poisoning of America" yang memberi gambaran seolah-olah minyak kelapa sawit kita ini adalah meracuni rakyat Amerika Syarikat. Pihak peguam yang kita lantik sedang meneliti kemungkinan menyaman beliau ke mahkamah dan adalah telah terawal untuk saya menyatakan pada masa ini tentang sama ada perkara ini akan dibawa ke dalam mahkamah atau tidak.

Tuan Mastafa bin Awang: Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, apakah tidak ada negara lain yang berkemampuan untuk membeli minyak kelapa sawit dari negara kita, sedangkan Amerika, juga rakyatnya tidak seramai negeri China, India dan lain-lain. Apakah kalau dengan tidak ada negara Amerika Syarikat ini, minyak kelapa sawit ini tidak ada pasaran di dunia.

Yang kedua, adakah Amerika mengguna pengaruh kuasa besar dunianya mempengaruhi, negara-negara lain di dunia, sehingga kelapa sawit kita tidaklah laku.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, masalah pertama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sebenarnya boleh diperdebatkan agak panjang. Walaupun pasaran minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat, dari segi berbandingannya dengan pasaran di negara-negara lain secara 'combined', dengan' izin, agak kecil, namun demikian kalau kita tidak melawan kempen ini dan tidak membendung kempen ini mungkin kempen memburukkan anti kelapa sawit ini akan tumpah dan mengalir ke negara-negara lain, yang kesannya akan membawa akibat yang buruk kepada perusahaan minyak kelapa sawit kita. Kita bukan memikirkan sangat pasaran minyak kelapa, sawit di Amerika Syarikat yang cuma merupakan 2% daripada keseluruhan eksport kita. Namun demikian, kita mesti mengambil sesuatu tindakan yang tegas dan melalui usaha-usaha 'research' dan kajian cara saintifik untuk menenangkan pengguna-pengguna di negara lain.

Mengenai soalan yang kedua, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Amerika sebagai sebuah Kerajaan tidak sedikit pun terlibat di dalam kempen menentang minyak kelapa sawit kita. Apa yang berlaku ialah Persatuan ASA ini dengan beberapa buah persatuan lain yang tidak terletak di bawah bidang kuasa kawalan secara langsung

oleh Kerajaan Amerika Syarikat mengadakan kempen-kempen yang tidak bertanggungjawab ini. Sebenarnya, Kerajaan Amerika Syarikat, melalui FDA iaitu Persatuan Pertubuhan FDA, saya lupa nama penuhnya, telahpun membuat keputusan bahawa suatu bil yang dicadangkan oleh beberapa ahli Kongres untk dibawa kepada Kongres telahpun ditolak daripada peringkat jawatankuasa oleh kerana mereka fikir rang undang-undang itu tidak munasabah dan pihak Kerajaan Amerika Syarikat sendiri melalui FDA telah menyatakan pendirian mereka bahawa segala dakyah yang dibuat menentang minyak kelapa sawit tidak diasaskan kepada fakta-fakta saintifik dan kerana itu pihak FDA tidak dapat menyokong usaha-usaha tersebut.

TIMBANG DAN SUKAT - PENGESAHAN

4. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian ke atas penjual-penjual yang menggunakan alat-alat timbang yang lesen-lesennya tidak dibaharui. Adakah mereka:

- (a) diberi amaran dahulu atau;
- (b) didenda dengan serta-merta atau;
- (c) diberi saman; dan
- (d) alat-alat timbang itu dirampas.

Sekiranya alat-alat timbang itu dirampas, tidakkah itu akan menyusahkan peniaga-peniaga itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a), di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 setiap timbang dan sukat yang digunakan untuk perdagangan hendaklah disahkan pada setiap tahun untuk menentukan alat-alat yang digunakan oleh peniaga-peniaga itu adalah tepat ukurannya.

(b) Mengikut amalannya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengeluarkan notis peringatan kepada para peniaga supaya membuat pengesahan semula alat-alat timbang dan sukat yang digunakan untuk perdagangan. Notis-notis ini dikeluarkan sebulan sebelum tarikh pengesahan tamat dan ini diperbuat melalui Persatuan-persatuan Peniaga, Balai Penghulu, Pejabat-pejabat Daerah dan lain-lain agensi Kerajaan.

(c) Peniaga-peniaga yang didapati menggunakan timbang dan sukat atau alat timbang dan alat sukat yang tidak disahkan (verify) atau disahkan semula (re-verify), adalah melakukan kesalahan

di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 dan akan didakwa di Mahkamah melalui proses menyaman mereka.

(d) Ya, alat-alat timbang dan sukat yang disita (seized), menjadi barang bukti di Mahkamah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat soalan tambahan, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jelaskan, saya tengok tiap-tiap kali dalam Dewan ini daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hanya Setiausaha Parlimen dengan Timbalan Menterinya sahaja yang datang. Jadi, kalau boleh nasihatkanlah Menterinya supaya turut sama datang kerana kami sudah cukup rindu dengan suaranya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat soalan tarabahan. Selain daripada tindakan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terhadap timbang sukat ini, sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar atau tidak bahawa selalu berlaku mereka yang menyamar sebagai pegawai daripada Kementerian Perdagangan yang telah menipu peniaga-peniaga sehingga peniaga menjadi korban tipuan, kononnya mereka ini datang daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memeriksa sama ada timbang itu sudah dicop ataupun tidak. Kalau ianya benar berlaku sejauhmanakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menasihatkan peniaga-peniaga supaya berhati-hati supaya mereka ini tidak tertipu oleh mereka yang menyamar seperti pegawai-pegawai dari Kementerian ini. Saya tiarap saya akan mendapat tahu.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Menteri saya telah membuat beberapa rombongan lawatan untuk menarik pelabur-pelabur asing. Baru-baru ini beliau ke Korea dan Jepun dan oleh itu Yang Berhormat Menteri tidak dapat datang. Walau bagaimanapun, Timbalan

Menteri ataupun Setiausaha Parlimen cukuplah untuk menjawab soalan-soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, tolong jawab soalan tambahan.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan itu, di dunia ini ada ramai orang yang menipu dan kita tidak boleh mengelakkan. Haruslah peniaga-peniaga sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati supaya tidak ditipu oleh penipu ini.

RAKYAT MALAYSIA TANPA PERMIT SAH DI AUSTRALIA

5. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu adakah benar lebih 5,000 orang rakyat Malaysia ini jadi pendatang haram tinggal di Australia sekarang. Jika benar mengapakah mereka berbuat demikian dan nyatakan jika ada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negeri secara haram lagi selain di Australia itu dan adakah mereka yang melarikan diri ini terdiri dari Bumiputera atau bukan, dan adakah mereka ini akan dibenarkan balik ke Malaysia ini atau sebaliknya jika mereka berminat.

Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang ada rakyat Malaysia yang pada ketika ini tinggal di Australia tanpa mempunyai permit-permit yang sah. Namun begitu, mereka ini tidaklah boleh dikatakan sebagai pendatang haram dalam erti kata sebenarnya kerana mereka pada asalnya telah pergi ke Australia secara sah dengan memenuhi kehendak-kehendak perjalanan ke Australia. Tetapi mereka terus tinggal di Australia sungguhpun tempoh yang dibenarkan berada di negara itu telah tamat atas beberapa sebab antaranya seperti berikut:-

- (i) Ada yang tertarik untuk bekerja di Australia kerana mendapat peluang-peluang pekerjaan yang baik.
- (ii) Ada antaranya merupakan pelawat-pelawat dari Malaysia yang pada mulanya terkandas kerana masalah kewangan. Mereka kemudiannya mendapat pekerjaan untuk menyara hidup tetapi seterusnya telah tertarik untuk terus bekerja di sana.

Memang terdapat rakyat Malaysia yang tinggal di luar negeri dalam keadaan seperti yang terdapat di Australia. Mereka terdiri daripada Bumiputera dan bukan Bumiputera. Tetapi jumlahnya sukar diketahui oleh kerana mereka berbuat demikian tanpa pengetahuan Kerajaan. Negara-negara yang menjadi tumpuan adalah Amerika Syarikat, Negara-negara Eropah Barat, Jepun, Indonesia, Hong Kong, New Zealand dan beberapa buah negara yaag lain. Mereka sebenarnya tidak ada masalah untuk kembali ke Malaysia dengan syarat mereka boleh membuktikan taraf kewarganegaraan ataupun mereka adalah warga-negara Malaysia.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Menteri berkenaan, apakah benar bahawa bilangan seramai ini ada yang memiliki dua paspot iaitu paspot Malaysia dan paspot Australia?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinannya ada, tetapi kita tidak dapat memastikan bilangannya yang sebenar.

PENDATANG INDONESIA TANPA IZIN

6. **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-
- (a) mengapa ramai pendatang-pendatang haram dari negara-negara asing terutamanya Indonesia yang menyalahi undang-undang tidak dapat dikesan oleh pihak berkenaan; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkenaan untuk mencegah aktiviti-aktiviti sindiket yang mengaturkan pendatang-pendatang dari Indonesia untuk dijadikan buruh murah di ladang getah dan kelapa sawit.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin sekali lagi.

Bagi jawapan soalan (a), sebenarnya Kerajaan dapat mengesan, mereka yang melakukan kesalahan di negara ini. Namun, begitu Kerajaan terpaksa mengambil masa kerana pihak berkuasa tidak memiliki rekod pengenalan diri mereka.

Bagi jawapan soalan (b), setakat ini Kerajaan belum menerima apa-apa maklumat mengenai sindiket yang mengaturkan kedatangan pendatang tanpa izin ini untuk dijadikan buruh murah di sektor perladangan di negara ini. Walau bagaimanapun sekiranya ada, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, selain daripada pendatang-pendatang haram dari Indonesia, apakah negara-negara asing yang pendatang-pendatang haram itu datang ke Malaysia?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada juga warganegara-warganegara asing yang datang ke negara ini, seperti yang kita sedia maklum iaitu pendatang-pendatang b.aram dari Vietnam, dari Kampuchea dan juga dari Filipina. Itulah merupakan tiga buah negara-negara besar yang mana warganegaranya datang ke negara ini tanpa izin.

TAR DI JALAN-JALAN ESTET

7. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bahawa memandangkan kepada kesihatan dan kebajikan penduduk-penduduk di estet-estet, bolehkah Kementerian Kerjaraya mentarkan semua jalan di perkarangan rumah-rumah pekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit di seluruh negara sepertimana terdapat di kampung-kampung baru dan kampung-kampung pendalaman. Ataupun bolehkah pihak Kerajaan menggalakkan pihak syarikat-syarikat swasta yang memiliki estet-estet tersebut untuk berbuat demikian.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan raya di estet-estet itu bukanlah jalan Persekutuan. Jalan-jalan tersebut adalah jalan persendirian atau 'private road', dengan izin, oleh yang demikian, terpulanglah kepada estet-estet berkenaan untuk mengetarkan jalan-jalan dan juga mengadakan kemudahan perhubungan yang lebih baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya menggalakkan pihak syarikat-syarikat swasta pemilik estet berkenaan untuk berbuat demikian bagi meningkatkan taraf kesihatan dan juga kebajikan pekerja-pekerja yang tinggal di dalam estet tersebut.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menyebut memang Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat swasta itu supaya mengadakan kemudahan-kemudahan asas sebagaimana soalan yang dikemukakan pada peringkat awal. Tetapi tidakkah ada lain perkataan yang lebih konkrit selain daripada 'menggalakkan', sebab bila 'menggalakkan' sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan swasta ini tidak kisah sangat sebab dia hendak

banyak untung sahaja. Jadi, kalau ada satu syarat, umpamanya dikenakan syarat bahawa itu menjadi keperluan asas, wajar, wajib, saya rasa perkara ini boleh dijalankan. Soalan saya, adakah pihak Kerajaan atau Kerajaan bercadang hendak mengenakan sebagai satu syarat kepada swasta-swasta yang mempunyai ramai pekerja supaya pekerja itu diberikan kemudahan asas yang wajar dan diambil perhatian berat mengenai kebajikan mereka sebagai haknya selaku rakyat Malaysia dan sebagai seorang manusia.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah mengenai kemudahan asas seperti jalan raya dan air. Memang sesiapa atau sebagai manusia kita di Malaysia ini mempunyai hak untuk diberi apa jua kemudahan yang perlu, yang boleh didapati oleh rakyat di negeri ini. Tetapi, Kerajaan hanya boleh melaksanakan ini semua berdasarkan kepada peraturan-peraturan seperti peraturan-peraturan buruh di mana Kementerian Buruh ada mempunyai peruntukan atau syarat-syarat 'bay minimum', dengan izin, kemudahan-kemudahan yang diperlukan di estet-estet tersebut, Tetapi untuk jalan raya kerana ini adalah satu kawasan estet yang mana soalan yang ditimbulkan ialah jalan-jalan raya di estet-estet di mana kawasan ini jauh terpencil, maka sudah tentulah susah untuk Kerajaan mengenakan syarat supaya estet-estet atau pengusaha-pengusaha itu mengenakan satu standard atau satu taraf di mana jalan-jalan mestilah ditar kerana ini akan memerlukan perbelanjaan yang lebih banyak, tetapi walau bagaimanapun, saya ingat pekerja-pekerja di estet juga adalah pengundi, mereka bolehlah memohon daripada Wakil Rakyat mereka atau memohon daripada Jabatan Perdana Menteri khusus untuk jalan-jalan di kawasan mereka itu dipereleokkan atau dipertingkatkan.

MUTU LESEN MEMANDU

8. **Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lesen memandu yang dikeluarkan sekarang adalah rendah mutunya. Apakah tindakan Kementerian untuk meningkatkan mutunya setanding dengan lesen-lesen yang dikeluarkan oleh negara asing.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa lesen memandu yang dikeluarkan sekarang adalah rendah mutunya jika dibandingkan dengan lesen memandu yang terdahulu darinya. Sebaliknya lesen memandu baru ini adalah lebih lembut dan tidak mudah patah atau retak.

Di samping itu pula, lesen memandu ini juga dilengkapi dengan beberapa ciri-ciri keselamatan tertentu yang boleh dilihat dengan mata kasar dan juga ciri-ciri keselamatan yang hanya boleh dilihat dengan bantuan alat-alat tertentu. Kerajaan adalah sentiasa peka mengenai mutu lesen memandu yang dikeluarkan dan dari semasa ke semasa akan menambah ciri-ciri keselamatan lesen-lesen tersebut untuk mengelakkan berlakunya pemalsuan. Proses penambahan ciri-ciri keselamatan ini dengan sendirinya akan mempertingkatkan mutu lesen memandu berkenaan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Kementerian Yang Berhormat bercadang melonggarkan syarat kepada orang-orang cacat pendengaran atau bisu untuk mendapatkan lesen memandu? Jika ya, apakah kelonggaran syaratnya?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak ada kelonggaran syarat yang khusus bagi mereka ini tetapi sekiranya ada yang memohon, mungkin boleh dipertimbangkan bagi kes-kes tertentu.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di atas lesen memandu kita ada dua ruang untuk pembaharuan. Apabila kita serahkan ini untuk diperbaharui, JPJ hanya lekatkan sekeping kertas di atasnya dengan cap tarikh baru. Jadi, adakah proses ini membuka jalan untuk pemalsuan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, benar, iaitu apabila dibuat pembaharuan, sekeping plastik dilekatkan di situ dan dalam tempoh tahun 1988 telah didapati ada pihak yang memalsukan plastik tersebut. Oleh kerana itulah salah satu sebab maka lesen memandu ini ditukarkan bentuknya sekarang.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, adakah sebarang kegiatan buruk yang berkait dengan lesen memandu yang telah dikeluarkan sekarang?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas mengenai soalan itu kegiatan buruk yang berlaku bagi lesen memandu yang dikeluarkan sekarang. Yang dikeluarkan sekarang iaitu yang bermula pada 31hb Januari, setakat hari ini belum ada lagi laporan atau kedapatan apa-apa perlakuan atau perbuatan yang buruk, pemalsuan dan sebagainya terhadap lesen-lesen tersebut.

PELARIAN VIETNAM

9. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sebenar pelarian dari Vietnam yang datang ke negara ini sejak mula mereka datang hingga pada 28hb Februari, 1989;
- (b) selama masa tersebut berapa pula bilangan mereka yang telah diambil oleh negara ketiga;
- (c) adakah Kerajaan Malaysia ada mengeluarkan perbelanjaan pendahuluan untuk menyara mereka semasa mereka berada di negeri ini yang belum lagi dibayar semula oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berurusan dengan pelarian tersebut. Jika ada, berapa jumlahnya; dan
- (d) sehingga 28hb Februari, 1989 berapa ramaikah pelarian dari Vietnam yang masih ada dalam negeri ini yang telah menyatakan persetujuan mereka untuk balik ke Vietnam dengan sukarela.

Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan

- (a) Jumlah pelarian dari Vietnam yang datang ke negara ini sejak tahun 1975 sehingga 28hb Februari, 1989 ialah seramai 237,871 orang.
- (b) Di dalam jangka waktu yang sama, bilangan yang telah diambil oleh negara-negara ketiga ialah seramai 224,741 orang.

- (c) Kerajaan Malaysia tidak pernah mengeluarkan perbelanjaan pendahuluan untuk menyara pendatang-pendatang haram Vietnam semasa mereka berada di negara ini. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Orang-orang Pelarian (UNHCR).
- (d) Setakat ini terdapat 8 orang pendatang haram Vietnam yang ingin pulang semula ke Vietnam secara sukarela. Permohonan mereka sedang diproses oleh pihak berkuasa di Vietnam.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan sejauh manakah masalah pendatang haram menghalang hubungan diplomatik dengan Vietnam yang lebih berkesan dan bermakna.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak kita memang ada hubungan diplomatik dengan Vietnam pada masa ini akan tetapi sehingga Vietnam mengatasi dua perkara yang besar iaitu, pertama, mengenai masalah Kampuchea dan yang kedua, mengenai pendatang-pendatang haram daripada negara mereka, maka setakat itulah bahawa hubungan diplomatik yang sepenuhnya masih tidak dapat diadakan oleh kita dan juga negara-negara ASEAN.

Puan Habidah biati Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pendatang haram yang baru tiba setelah kita mendengar baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar bin Baba menjanjikan akan mengosongkan Pulau Bidong di Terengganu selewat-lewatnya pada bulan April ini, tetapi mereka masih juga datang. Sehingga hari ini berapa ramaikah yang masih berada di pulau tersebut?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada lebih kurang 16,000 pendatang-pendatang haram yang masih ada di Pulau Bidong. Mengenai pendatang-pendatang haram yang datang selepas 14hb Mac tahun ini, pihak Kerajaan dan juga pihak negara-negara ASEAN telah membuat keputusan bahawa mereka ini tidak secara automatik diberi peluang untuk pergi ke negara-negara yang ketiga

bahkan akan menjalankan satu proses penyelisihan ataupun 'screening' bagi menentukan kedudukan mereka sama ada benar-benar pendatang haram ataupun lari daripada Vietnam disebabkan masalah ekonomi, Hanya selepas mereka ini disisih atau discreen barulah dapat ditentukan sama ada mereka boleh pergi ke negara ketiga ataupun dipulangkan balik ke Vietnam.

Mengenai Pulau Bidong usaha bagi menutupnya kepada pendatang pendatang haram akan diteruskan dan apabila masanya sampai kelak ia itu apabila semua pendatang-pendatang haram di Pulau Bidong telah dipindahkan atau dipulangkan balik ke negara Vietnam, maka Pulau Bidong akan diserahkan balik kepada Negeri Terengganu.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sedikit penjelasan dalam-soalan tambahan ini. Kita telah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan mengenai pendatang haram yang datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kerajaan kita terlalu berlembut, ada negara-negara jiran kita apabila pendatang haram datang ke negara mereka, mereka di hantar ke negeri kita. Kalau kita hendak tanya pendatang haram ini sama ada mereka mahu 'pulang' atau tidak, tentu mereka kata tidak. Tidakkah ada satu-satu usaha yang lebih tegas kerana pendatang haram ini telah begitu lama tinggal di negara kita? Kita rasa dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ke Vietnam baru-baru ini, Kerajaan Vietnam sedia terima rakyatnya kembali. Tidakkah satu usaha yang kita patut buat, kita hantar semua mereka balik 16,000 orang itu, sebab Kerajaan mereka sedia terimanya. Tidakkah satu usaha yang patut dibuat ke arah itu?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita telah sama-sama menjadi penyerta di dalam persidangan antarabangsa orang-orang pelarian Vietnam dalam tahun 1979 yang mana berdasarkan kepada perikemanusiaan kita telah bersetuju untuk menempatkan mereka di negara kita sebagai usaha sementara sahaja iaitu sebelum mereka dipindahkan kepada negara yang ketiga. Jadi, oleh kerana perkara ini telah berlanjutan hampir—hampir 10 tahun maka kita mula mengambil tindakan yang tegas dengan cara yang telah dibuat oleh negara ini terutamanya melalui usaha dua hala di antara Malaysia dengan Kerajaan Vietnam dengan lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke sana memberitahu bahawa kita tidak mahu lagi menanggung masalah orang-orang pelarian daripada negara tersebut dan oleh kerana itu meminta Vietnam mengambil balik mereka daripada negara kita.

Pihak Vietnam bersetuju untuk berbuat demikian tetapi setakat ini hanya mereka yang ingin balik secara sukarela. Di samping itu usaha dari segi antarabangsa ataupun tindakan secara menyeluruh telahpun dibuat dengan Malaysia menyuarakan supaya diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai orang-orang pelarian Indo-China dan persidangan ini akan diadakan pada 13hb dan 14hb Jun, tahun ini juga, Di samping itu satu mesyuarat persediaan telahpun dibuat di negara kita pada 8hb, 9hb dan 10hb Mac. Jadi bermaknalah bahawa tindakan-tindakan yang telah kita ambil perlu kita berbuat:-

- (i) Dari segi perikemanusiaan;
- (ii) Kepada dasar dalam negeri kita; dan

- (iii) Kedudukan kita di peringkat antarabangsa, yang mana kita tidak mahu peringkat antarabangsa menuduh bahawa Malaysia tidak mempunyai perikemanusiaan.

Oleh itu apabila segala usaha ini telah kita buat, sama ada melalui-usaha dua hala ataupun usaha melalui pihak antarabangsa maka kita akan bertindak keras dalam perkara ini, tetapi biarlah kami berusaha dahulu secara diplomatik dan lainnya sebelum sesuatu tindakan yang keras diambil.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan Vietnam sudah setuju, kemudian kitapun telah membuat hubungan dengan mereka, macam saya kata tadi, kalau hendak tanya mereka ini, mereka tidak akan balik. Kalau Kerajaan Vietnam sudah bersetuju, kita siapkan kapal sahaja dan kita hantar balik. Senang sahaja. Dari segi perikemanusiaan saya rasa kita cukup berperikemanusiaan, sudah hampir 10 tahun mereka tinggal, sungguhpun Bangsa-bangsa Bersatu memberi bantuan tetapi kita rugi banyak duit, pegawai kita buang masa, masalah politik dan sebagainya terlibat, merugikan Kerajaan kita. Saya suka ulangkan sekali lagi, tidakkah boleh kalau Kerajaan Vietnam sudah bersetuju, kita siap kapal dan hantar semua sekali 16,000 orang ini supaya masalah ini tidak akan timbul lagi?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, Kerajaan Vietnam sekarang bersetuju mengambil mereka yang hendak balik. Bagi mereka yang tidak mahu balik ini biarlah pada satu masa akan datang kita akan timbangkan cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

BANK SIMPANAN NASIONAL DAN KAD GIRO

10. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan adakah Kementerian Kebajikan Masyarakat menyedari bahawa bantuan kebajikan masyarakat melalui Bank Simpanan Nasional dan Kad GIRO adalah menyusahkan orang tua-tua yang menerimanya:

- (a) susah kerana mereka mesti pergi sendiri untuk mengeluarkan wang;
- (b) terpaksa membayar tambang teksi, mengambil masa setengah hari untuk mendapatkan wang sebanyak \$30 atau selebihnya; dan
- (c) dengan yang demikian wang \$30 itu tidak semua dapat digunakan untuk perbelanjaan harian, tetapi untuk sewa teksi dan kadang-kadang orang yang membantu mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran bantuan kebajikan mengikut sistem GIRO sedang dijalankan di Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja sebagai projek printis. Tujuan sistem tersebut adalah, di antara yang lain, untuk memudahkan lagi proses pembayaran kepada penerima bantuan. Ke arah tujuan ini beberapa peraturan telah diwujudkan, iaitu:

- (a) Penerima bantuan boleh menuntut wang mereka di cawangan Bank Simpanan Nasional yang berhampiran dengan rumah mereka atau di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional mengikut keselesaan mereka;

- (b) tempoh 60 hari diberikan untuk menuntut wang mereka; dan
- (c) bagi, mereka yang tidak berkemampuan, seorang wakil adalah dilantik oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk menuntut wang bagi pihak mereka.

Oleh yang demikian, tidaklah benar bahawa seorang penerima mesti pergi sendiri untuk mengeluarkan wang. Walau bagaimanapun, bagi orang tua yang menghadapi masalah, adalah dinasihatkan supaya menghubungi pegawai kebajikan yang mengawasi kes mereka supaya sebarang kesulitan dapat disiasat.

KEMAJUAN KAMPUNG DI LUAR BANDAR

11. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Latif** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan kemajuan pembangunan luar bandar semenjak ianya dilancarkan. Jika ya, berapa peratuskah kampung-kampung yang telah mendapat kemudahan asas seperti jalan, bekalan elektrik dan bekalan air di seluruh negara. Jika tidak, apakah rancangan Kerajaan yang telah disusun dan bilakah agaknya semua penduduk luar bandar termasuk di pedalaman akan mendapat pembangunan kemudahan asas 100%.

Tuan Abdul Hamid bin Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

Sebelum soalan ini dijawab, saya ingin membuat pindaan di ayat yang akhir iaitu pembangunan kemudahan asas 100%', bukan 10%.

Setiausaha Parlimen Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kemajuan yang dicapai di dalam pembangunan luar bandar adalah memuaskan. Dari jumlah 19,400 kampung di seluruh negara, kira-kira 70% telah menikmati bekalan air bersih, jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung berturap. Pada akhir 1990, 85% daripada seluruh penduduk luar bandar akan menikmati bekalan elektrik. Bahkan buat ketika ini setengah-setengah negeri hampir mencapai 90% bekalan air dan elektrik serta jalan-jalan kampung. Walaupun begitu, pencapaian di Sabah dan Sarawak masih belum memuaskan di mana pencapaiannya masih di taraf 50%. Ini adalah kerana kedua-dua negeri tersebut adalah amat luas berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung dan kampung-kampungnya terpencil dan berselerak.

Kemajuan bagi kampung di kedua-dua negeri akan memakan masa yang lebih panjang dan memerlukan peruntukan yang lebih besar. Kementerian saya sedang berusaha untuk mengadakan rancangan khas bagi menyampaikan elektrik dan air ke kampung terpencil di kedua-dua negeri ini dengan menggunakan alternatif sumber tenaga yang baru.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, terdapat lebih kurang 19,400 kampung yang terletak di dalam kawasan luar bandar iaitu lebih kurang 12,400 buah di Semenanjung, 2,500 buah di Sabah dan 4,500 buah di Sarawak. Bagi Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan akan membelanjakan hampir \$1,400 juta untuk menyediakan bekalan elektrik, bekalan air, serta jalan-jalan kampung. Usaha untuk menyampaikan kemudahan ini ke semua kampung akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, bolehkah Kementerian Yang Berhormat akan mengambil tindakan untuk memasukkan ladang-ladang pecah jual, dengan izin fragmented estate sebagai kampung-kampung baru kerana ladang-ladang pecah jual yang tersebut itu tidak mempunyai tuan tanah dan tidak mempunyai apa-apa kemudahan asas?

Tuan Mohamed bia Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, siapa juga yang berkehendakkan pembangunan infrastruktur mestilah membuat permohonan. Kalau tanah itu tidak ada tuan tanah, siapa yang hendak membuat permohonan.

PEMBAYAR CUKAI - POTONGAN

12. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa tidak memberi pengecualian cukai kepada seseorang pembayar cukai yang menanggung ibu bapa yang telah uzur.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, pembayar-pembayar cukai telah diberi beberapa potongan. Di antara potongan tersebut ialah potongan sebanyak \$1,000 kepada tanggungan pembayar cukai seperti ibu bapa yang uzur. Potongan tersebut adalah diberi secara automatik tanpa apa-apa tuntutan yang perlu dibuat. Memandangkan bahawa potongan sebanyak \$1,000 telah diberi, maka pihak Kementerian Kewangan merasa tidak perlu memberi pengecualian tambahan kepada pembayar cukai.

RACUN PEROSAK PENGGUNAAN

13. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk mengatasi kelemahan kawalan penggunaan racun perosak di negara ini ekoran daripada peristiwa yang berlaku di Johor Bahru baru-baru ini.

30.3.89

31. Puan Norani binti Haji Beluah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memastikan petani-petani dan pekebun-pekebun kecil tidak menggunakan racun serangga berlebihan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna.

3.4.89

40. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pertanian menyatakan semenjak peristiwa kali kedua sayur kita, iaitu "kai lan" yang telah dimusnahkan pada Disember, 1988 di Singapura, apakah langkah-langkah yang positif yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan sayur-sayuran kita adalah selamat dimakan oleh rakyat kita.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Alexander Yu Lung Lee]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Puan Norani binti Haji Beluah pada 30.3.1989 dan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon pada 3.4.1989 memandangkan pertanyaan-pertanyaan tersebut melibatkan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peristiwa keracunan yang berlaku akibat daripada memakan jagong di Johor Bahru, baru-baru ini adalah satu kes yang berlainan dari kes biasa. Jagong tersebut telah dikutip terus dari ladang selepas sahaja disembur dengan racun serangga. Sepatutnya jagong tersebut hanya boleh dikutip selepas dua minggu.

Mengenai sayur-sayuran kailan yang dieksport, masalah kailan ini dilakukan akhir tahun lepas bila harga kailan meningkat paling tinggi lebih kurang \$8.00 sekilo di pasaran Singapura. Pemimpin-pemimpin kailan di Johor ingin mengambil kesempatan harga yang tinggi ini dan mengutip kailan kurang dari dua minggu selepas disembur dengan racun serangga. Walau bagaimanapun, langkah telah dan sedang diambil bagi memastikan sayur-sayuran tersebut tidak mempunyai paras sisa baki racun perosak yang berlebihan. Langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut:

- (i) lawatan oleh Pegawai Pengembangan dari Jabatan Pertanian ke ladang-ladang sayuran dan buah-buahan untuk memastikan penggunaan racun perosak dengan cara yang betul dan selamat;
- (ii) mengadakan sesi dialog dan ceramah dengan petani, penanam sayur dan buah-buahan di mana penekanan diberikan kepada kesan-kesan buruk yang berlaku akibat daripada hasil tanaman yang dicemari dengan sisa baki racun perosak;
- (iii) mengedar poster dan risalah kepada penanam-penanam untuk memaklumkan mereka tentang cara-cara menggunakan racun perosak dengan betul dan selamat;
- (iv) membuat analisa terhadap sisa baki- racun perosak di dalam sayur-sayuran dan buah-buahan di Makmal Sisa Baki Jabatan Pertanian. Analisa ini dihantar kepada Pegawai Pengembangan untuk dimaklumkan kepada penanam yang terlibat dan

kepada Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab mengawal sisa baki racun perosak di dalam makanan di bawah Akta Makanan 1983; dan

- (v) menanda bakul sayuran bagi semua sayur-sayuran dari Cameron Highlands yang akan dieksport ke Singapura. Sistem ini akan diperluaskan kepada eksport sayuran dari tempat lain tidak lama lagi.

Di samping itu Kementerian Pertanian juga bercadang untuk mengadakan Pusat Pengumpulan dan Pembungkusan Sayur-sayuran di mana pusat ini akan dijalankan oleh pihak swasta. Langkah ini akan mengurangkan lagi paras sisa baki racun perosak dalam sayur-sayuran sebelum dijual kepada pengguna.

PENGERUSI BADAN-BADAN BERKANUN

14. Tuan Azman Atar bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Badan-badan Berkanun yang mana pengerusinya terdiri dari Pegawai Tinggi Kerajaan di peringkat KSU/TKSU. Tidakkah Perdana Menteri merasakan ini boleh menjejaskan prestasi badan berkanun yang pengerusi hanya mempunyai tugas berlebihan di samping tugasnya sebagai Ketua Jabatan di Kementerian/Jabatan yang disandangnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini hanya terdapat sebanyak 14 buah dari sejumlah 76 buah badan berkanun persekutuan yang pengerusinya terdiri dari pegawai tinggi Kerajaan di peringkat Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha. Kesemua mereka ini dilantik untuk mempengerusikan badan berkanun di bawah pengawasan Kementerian mereka dan oleh itu tugas itu termasuk dalam jadual tugas biasa mereka dan tidak melibatkan tugas berlebihan. Malah perlantikan demikian boleh memastikan pengawasan badan-badan berkanun berkenaan dengan lebih rapat dan ketat memandangkan badan-badan tersebut terletak di bawah Kementerian

mereka. Selain dari pegawai tinggi Kerajaan, individu dari sektor swasta dan ahli-ahli politik juga dilantik menjadi pengerusi badan-badan berkanun. Mereka ini juga mempunyai tugas-tugas lain yang penting yang perlu diuruskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan yakin bahawa mereka semua dapat menjalankan tugasnya sebagai pengerusi dengan sempurna memandangkan perantikan mereka diasaskan kepada ciri-ciri tertentu seperti kelayakan dan pengalaman yang luas dan sesuai mempunyai sifat kepimpinan yang baik serta berwibawa. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan mengenai perantikan dan peranan pengerusi-pengerusi supaya mereka yang dilantik benar-benar tahu tanggungjawab masing-masing.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri. Saya tidak bermaksud mengatakan mereka tidak mempunyai kebolehan. Bahkan saya mengakui mereka ini lebih mempunyai kebolehan. Cuma kita kasihan mereka ini terlalu banyak tanggungjawab diberikan selain daripada menjadi KSU dan TKSU. Daripada 14 badan-badan berkanun yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, adakah Timbalan Menteri sendiri bercadang atau berani menyokong perkara ini kepada Perdana Menteri supaya beri peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini untuk menjadi pengerusi-pengerusinya supaya lebih dapat meningkatkan prestasi badan-badan berkanun itu. Jadi, saya mintalah, pertama soalan saya, sanggupkah atau tidak Timbalan Menteri mencaangkan benda ini supaya diberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negara, daripada 14 ini sekurang-kurangnya 10. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, tolong jawab.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan tadi bahawa tugas ini sebenarnya termasuk dalam jadual tugas mereka dan tidak melibatkan tugas yang berlebihan seperti yang dikatakan tadi.

Berkenaan dengan sama ada peluaug diberikan kepada ahli-ahli politik, sebenarnya daripada 76 jawatan ini, 22 terdiri daripada ahli politik dan selainnya daripada bekas pegawai Kerajaan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain ataupun terdiri daripada pegawai dari sektor swasta.

Mengenai untuk membuat cadangan itu, semestinya saya menyokong asalkan syarat itu diikuti dan keperluan adalah terpulanglah kepada pihak berkenaan untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

JURURAWAT BERAGAMA ISLAM - PAKAIAN MINI TELEKUNG

15. Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah beliau akan membenarkan kakitangan Jururawat yang beragama Islam memakai mini telekung bagi menggantikan topi seperti sekarang. Lagi pun pihak Kementerian hanya perlu mengadakan sedikit ubahsuai sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew Peh]:

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, Kementerian Kesihatan sedang pun membenarkan para jururawat khasnya mereka yang beragama Islam untuk menutup rambut mereka dan memakai seluar panjang berwarna putih.

Berkenaan dengan memakai mini telekung, Kementerian Kesihatan sedang mengaturkan satu kajian untuk menentukan sama ada pakaian semacam ini akan menjejaskan tugas-tugas harian jururawat yang berkenaan.

Berdasarkan kepada maklumat yang akan diperolehi dalam kajian ini nanti, Kementerian Kesihatan akan membuat keputusan sama ada untuk membuat pengubahsuaian atau tidak terhadap pakaian seragam jururawat. Buat masa ini tidak ada cadangan untuk menukar atau menggantikan topi jururawat, kerana ini merupakan salah satu identiti profesion kejururawatan.

KURSUS DI PUSAT LATIHAN KEMAHIRAN TINGGI, SEPANG

16. Tuan V.K. Sellapan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilakah Pusat Kemahiran di Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor Darul Ehsan dijangka siap;
- (b) apakah jenis kursus akan dianjurkan;
- (c) apakah kriteria untuk memohon; dan
- (d) bolehkah peserta-peserta yang tamat kursus di Dusun Tua dan Pertak melanjutkan kursus di sini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwaul: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan

- (a) Pusat Latihan Kemahiran Tinggi Sepang, Selangor Darul Ehsan dijangka siap pada awal Februari, 1990 dan akan mula beroperasi pada Jun, 1990.
- (b) Sebanyak 11 jenis kursus akan diadakan seperti berikut:

(i) Tool & Die Maker	-	2 tahun
(ii) Tool & Die Maker - Press & Moulds	-	2 tahun
(iii) Tool & Maker (Jigs, Jigs & Fixture, Cutting Tool & Gauges)	-	2 tahun
(iv) Maintenance [Mechanic]	-	2 tahun
(v) Electronic Mechanic	-	2 tahun
(vi) Design Draftsman	-	1 tahun
(vii) Maintenance [Electrical]	-	1 tahun
(viii) Machinist - Tuning	-	1 tahun
(ix) Machinist - Milling	-	1 tahun
(x) Machinist - Drilling & Boring	-	1 tahun
(xi) Machinist - Grinding	-	1 tahun

Selain daripada itu, Pusat ini juga akan mengendalikan kursus-kursus jangka pendek (modular courses) untuk pekerja-pekerjasyarikat swasta. Perbelanjaan bagi pekerja-pekerja berkenaan akan ditanggung oleh majikan masing - masing.

- (c) Kriteria kelayakan untuk memasuki Pusat Latihan ini adalah terdiri daripada pelatih-pelatih lepasan pusat-pusat atau institusi latihan kemahiran yang sedia ada seperti Institut Kemahiran MARA, Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Belia Dusun Tua. Mereka ini hendaklah mempunyai kelulusan Sijil Kemahiran Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan Peringkat Pertengahan. Di samping itu juga, pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah vokasional juga akan diambil untuk mengikuti sebilangan kursus-kursus yang ditawarkan.
- (d) Hanya peserta-peserta Pusat Latihan Belia Dusun Tua yang telah tamat dan mempunyai kelulusan sijil Kemahiran Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan Peringkat Pertengahan dalam jurusan berkaitan sahaja adalah layak untuk mengikuti kursus di Pusat Latihan Kemahiran Tinggi, Sepang, Selangor Darul Ehsan. Peserta-peserta dari Pusat Latihan Belia Negara Pertak tidak layak melanjutkan latihan di Pusat berkenaan kerana jenis kursus yang ada di Pusat Latihan Belia Negera Pertak sekarang tidak berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 52 adalah]

USUL

DCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung seraula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam "Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh." (27hb Mac, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah binti Jusoh sedang menyampaikan ucapannya dan sekarang saya menjemput beliau untuk menyambung. Dipersilakan, Yang Berhormat.

3.38 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sedikit lagi perbahasan mengenai menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di istiadat perasmian Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda juga ada menyebut tentang 'Tahun Melawat Malaysia'. Oleh kerana negara ini bukan sahaja terkenal dengan pengendalian persidangan yang baik di peringkat negara dan peringkat antarabangsa tetapi ia juga terkenal sebagai sebuah negara yang sesuai dijadikan tempat persidangan yang bertaraf baik kerana cuaca dan iklimnya yang amat sesuai dengan tubuh, manusia. Oleh itu banyak negara-negara di dunia tertarik hendak mengadakan persidangan di sini. Contohnya Persidangan Komanwel yang akan berlangsung di sini tahun ini yang mana pasti dapat diuruskan dengan lancar dan bersistem agar ianya dapat menghasilkan faedah-faedah yang baik terhadap negara-negara peserta dan negara kita. Janganlah pula satu-satu Kementerian berpegang dengan prinsip masing-masing dan sampai persidangan ini menjadi kelam kabut kerana masing-masing kementerian menegakkan prinsip Kementeriannya dan begitu juga dengan pegawai-pegawainya. Demikianlah halnya dengan Sukan SEA yang ke-15 yang akan diadakan di sini pada Ogos ini.

Sudah sampai masanya kita bersatu menyambut pelawat-pelawat ini datang ke negara kita, sekurang-kurangnya pengaliran wang masuk ke dalam negara ini akan turut menambahkan lagi saham kemajuan kewangan di dalam negara kita. Oleh itu sebagai langkah persiapan tahun 1990 sebagai 'Tahun Melawat Malaysia' maka sudah sewajarnya Kementerian berkenaan telah bersiap sedia mulai sekarang bagi melantik agensi-agensi pelancongan bekerjasama dengan Kementerian untuk meningkatkan lagi sektor itu yang sudah pasti membawa masuk wang luar untuk dilabur di negara ini.

Saya rasa dari segi sektor perdagangan/melawat ini maka kejatuhan matawang kita adalah satu faktor yang baik untuk pelawat-pelawat suka datang dan melabur di negara ini. Tetapi walau bagaimanapun kita jangan lupa bahawa barang-barang dalaman tidak perlu dinaikkan harga dengan sebab kejatuhan matawang kita.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah sebenarnya matawang kita itu jatuh telah banyak diperkatakan orang hingga di kedai-kedai kopi. Baru semalam di Dewan yang mulia ini kita mendengar jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang mengatakan kejatuhan barangan utama kita di pasaran dunia menyebabkan nilai matawang kita jatuh yang mana soalnya telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng mengenai perkara tersebut. Tetapi biar bagaimanapun, dengan kejatuhan matawang kita itu, sedikit sebanyak telah memberi peluang yang banyak dalam bidang sektor melawat dan kemasukan pelawat-pelawat asing sungguh membanggakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pula, sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia mestilah menggunakan peluang yang ada ini untuk menjaga kesetabilan negara-negara di rantau ini lebih-lebih lagi ASEAN. Dan sepatutnya kita bersatu menentang pencerobohan dan pembunuhan kejam yang berlaku di Palestin dan di Afghanistan. Konflik ini bukanlah konflik agama ataupun perkauman, tetapi konflik ini adalah bertunjangkan politik dan kezaliman terhadap hak asasi manusia dan penderitaan rakyat yang merupakan satu rayuan meminta belas kasihan, perikemanusiaan, dan begitulah juga untuk menjaga dan menyelesaikan masalah pelarian

Kampuchea dan Indochina supaya mencelekkkan mata dunia di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah najis dadah, dadah sering menjadi berita setiap media massa. Undang-undang mengenainya di negara kita adalah yang paling ketat di dunia. Pelbagai tindakan keras telah diambil terhadap pengedar dan penagih bagi menjauhi masyarakat kita daripada najis tersebut. Bagaimanapun, daripada perhatian saya gejala ini semakin meluas. Ini menunjukkan seolah-olah undang-undang dadah di negara ini tidak begitu berkesan. Jikalau dahulu kita sering memperkatakan penglibatan belia dengan penagih dadah tetapi kini ia telah meresap di kalangan pelajar sekolah menengah pula. Keadaan ini juga kita sedar bahawa dadah bukan sahaja telah menyerap masuk ke dalam sekolah-sekolah bahkan juga telah mula berkisar di asrama-asrama sekolah sehingga melarat ke kampung-kampung pendalaman dan anak-anak muda kita tidak lagi selamat seperti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah terbaca di dalam ruangan "Fakta yang anda ingin tahu" di Dewan Masyarakat keluaran Jun 1988 yang lepas dinyatakan bahawa di dalam tempoh tahun 1983 hingga 1987 seramai 1,168 pelajar dari 390 buah sekolah menengah terlibat dengan penyalahgunaan najis dadah ini, termasuk jumlah ganja iaitu 604 orang dan morphine 2 orang. Jumlah ini tidak termasuk bilangan mereka yang akan dikesan melalui ujian air kencing di setiap sekolah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pelbagai cara dilakukan untuk mengurangkan dan seterusnya membanteras najis dadah, kini Kementerian Pendidikan pula bercadang mengadakan kurikulum pendidikan dadah untuk pelajar di sekolah. Persoalannya, adakah dengan cara ini kita dapat membanteras pelajar daripada terlibat dengan dadah?

Ini kerana walaupun pendidikan moral atau sivik diajar di sekolah, namun setengah-setengah pelajar masih tidak berdisiplin. Oleh itu pada pendapat saya masalah dadah di kalangan pelajar tidak akan selesai jikalau mereka sendiri tidak mahu menyedari tentang bahayanya dan seterusnya bertaubat. Dan bagi kita pula ibu bapa hendaklah mendidik mereka, mendidik anak-anak kita dengan penuh kasih sayang dan mengikut ajaran Islam yang sebenar. Firman Allah di dalam Al-Quran al-karim yang berbunyi: "Qu amfusakum waahliikum naara" yang bermaksud, jagalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka. Dan bagi pemerintah pula harus memperbanyakkan pegawai-pegawai penyelidikan sehingga ke sekolah-sekolah untuk membendung perkara ini dari terus terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam bidang keagamaan pula, kegiatan yang menyeluruh di dalam negara ini perlulah diberi perhatian yang serius seperti kegiatan agama. Maka kelas-kelas Al-Quran di kampung-kampung yang telah diutarakan oleh Pemangku Perdana Menteri baru-baru ini perlu diadakan segera di samping diberi juga peruntukan sampingan untuk mengadakan majlis-majlis khatam Al-Quran secara beramai-ramai agar ianya benar-benar menjadi satu kenyataan yang konkrit. Setahu saya memang banyak kelas-kelas Al-Quran ini berjalan di negara ini lebih-lebih lagi di Terengganu, tetapi setakat yang diketahui kelas-kelas itu tidak mendapat apa-apa bimbingan dari cerdik pandai agama kerana ianya seolah-olah tumbuh seperti cendawan liar. Maka pusat Islam perlulah memberi peruntukan itu kepada mana-mana agensi yang telah mengendalikan hal ini seperti Yayasan Islam Terengganu di Terengganu dan Jabatan-jabatan Agama di negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya menyokong Usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan DiRaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Harun.

3.49 ptg.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian untuk menyatakan rasa penghargaan dan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh yang diadakan pada 6hb Mac, 1989 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan DiRaja itu walaupun mengandungi enam muka sahaja tetapi saya nampak adalah suatu Titah Ucapan yang merangkumi semua aspek, mengandungi soal pentadbiran, soal perpaduan nasional, pembangunan ekonomi, menekankan usaha-usaha dan mempertingkatkan produktiviti negara, dasar-dasar luar dan sebagainya saya kira satu ucapan yang bernas dan padat.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat jelata saya adalah mengucapkan setinggi penghargaan dan menjunjung kasih atas limpah perkenan Baginda kedua Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah sudi mencemar Duli ber-angkat merasmikan Persidangan Parlimen dan melafazkan Titah Ucapan semoga Allah melanjutkan usia Baginda dan sihat walafiat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucaspan Di Raja itu, saya akan menyentuh beberapa perkara dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa perkara yang akan menyentuh beberapa jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dengan harapan agar kita sama-sama memberikan sumbangan yang bermakna ke arah pembangunan negara di masa kini.

Tidak dapat dinafikan kejayaan negara kita di dalam pelbagai bidang pada hari ini, salah satu faktor pendorong ialah kestabilan dan kemantapan politik yang kita alami pada hari ini. Walaupun terdapat sedikit suasana yang tidak menentu tetapi ini adalah perkara biasa dan tidak meninggalkan kesan yang mendalam. Hakikat ini Tuan Yang di-Pertua, harus diakui kerana negara-negara luar terus datang dan memberikan keyakinan mereka kepada kita. Sebagai contoh, bermula dari bulan Disember 1988 hinggalah ke saat ini, tidak putus-putus kunjungan yang dibuat oleh Pembesar-pembesar asing ke negara kita Malaysia ini. Ini membuktikan kemakmuran negara telah menarik perhatian mereka. Bagi menjamin situasi mantap ini terus berkekalan, bagi menjamin agar negara asing terus yakin kepada kita, bagi menjamin dasar luar negara kita terus diberi perhatian sewajarnya, maka setiap rakyat Malaysia haruslah bertanggungjawab. Setiap rakyat Malaysia hendaklah berusaha memelihara perpaduan, meningkatkan daya pengeluaran dan berazam memahami dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Pandangan kita, tanggapan kita, penglibatan kita terhadap semua dasar Kerajaan hendaklah berbentuk positif dan membina. Jika ini dapat dilaksanakan oleh rakyat, saya penuh yakin bahawa pencapaian kita pada hari ini akan dapat dipertahankan dan dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pihak Kerajaan telah mengumumkan untuk mengemaskinikan struktur dan organisasi Perkhidmatan Awam Malaysia. Lima skim Perkhidmatan Awam yang ada sekarang iaitu Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Pegawai Tadbir Am (PTA), Pegawai Kerja, Pegawai Kerani Am, Pegawai Kumpulan Rendah akan diubahsuai dan dikecualikan kepada tiga skim dan dikecilkan kepada tiga skim perkhidmatan sahaja. Tidak syak lagi, usaha Kerajaan menyusun semula struktur ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan lagi prestasi Perkhidmatan Awam Malaysia supaya pembangunan negara akan bertambah cemerlang lagi, tetapi apa yang menghairankan saya ialah hampir setiap hari masalah penyusunan semula organisasi itu terdapat di dada-dada akhbar lantaran terdapat pihak-pihak yang merasakan kerjaya mereka telah dizalimi dan mereka tidak berpuas hati.

Saya difahamkan Pegawai Tadbir Am dan Kerani Rendah telahpun menolak pilihan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya JPA hendaklah bersikap sensitif terhadap pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak yang terlibat, agar ianya tidak menemui kegagalan kerana pokok tidak akan bergoyang jika tidak ada angin, tidak akan ada asap jika tidak ada api. Dengan ertikata lain, pihak-pihak yang terlibat sudah tentu tidak akan membantah jika kerjaya mereka tidak dianyai. Penyusunan semula ini mestilah dilihat dari sudut pandangan semua pihak agar ianya mencapai kejayaan yang memberi erti. Saya tetap menyokong dan berdoa agar usaha-usaha penyusunan semula struktur Perkhidmatan Awam ini dapat berjalan dengan licin dan memuaskan hati semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lagi bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menarik perhatian pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan. Terdapat kes-kes di mana pejabat-pejabat Kerajaan telah musnah akibat kebakaran, umpamanya Jabatan Pengangkutan Jalan, Ipoh baru-baru ini. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah mengenai pengawasan yang rapi terhadap keselamatan bangunan-bangunan Kerajaan. Ini bukan sahaja di peringkat Persekutuan tetapi juga di peringkat Negeri. Terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang kurang mengambil berat tentang hal-hal keselamatan pejabat ini kerana mereka beranggapan tanggungjawab tersebut terletak sepenuhnya kepada pihak Bomba dan Polis semata-mata.

Pihak Kerajaan pejabat Pegawai Keselamatan hendaklah sentiasa memastikan bahawa pejabat Kerajaan berada dalam selamat sama ada dari segi bangunannya mahupun dari segi dokumennya. Pembocoran rahsia dan maklumat penting Kerajaan tidak seharusnya berlaku kerana ianya boleh menjejaskan keselamatan negara. Ketua-ketua jabatan hendaklah diarahkan supaya memastikan bangunan dan dokumen Kerajaan berada dalam keadaan selamat. Siri kursus kesedaran perlulah dibuat setiap masa di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri supaya kesedaran terhadap keselamatan ini dapat dipertingkatkan.

Mengenai Hal Ehwal Agama Islam, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyarankan di sini agar usaha-usaha kesedaran tentang keimanan dan penghayatan Islam yang sebenarnya terus dipertingkatkan. Banyak cara yang boleh dilakukan untuk memperluaskan kesedaran ini. Salah satu caranya ialah menyeragamkan Khutbah Jumaat. Walaupun urusan Agama Islam ini terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, namun

saya yakin Kerajaan Pusat juga dapat menyarankan perkara ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Keseragaman yang saya maksudkan di sini ialah setiap Khutbah yang disampaikan pada hari Jumaat hendaklah terdiri daripada satu Khutbah sahaja untuk seluruh masjid di seluruh negara. Ini bermakna Pusat Islam dengan kerjasama Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan Khutbah untuk 52 minggu iaitu setahun. Tujuan menyeragamkan Khutbah Jumaat ini supaya ratusan ribu umat Islam di seluruh negara kita dapat menerima message yang sama pada waktu yang sama. Ini bermakna, setiap umat Islam yang bersembahyang Jumaat akan mendengar perkara yang sama dan membincangkan perkara yang sama untuk minggu yang sama. Cara ini akan memudahkan dan keberkesanan pengajaran yang hendak disampaikan oleh Kerajaan. Saya benar-benar yakin bahawa perkara ini amat mudah untuk dilaksanakan dan sudah pasti kempen cara ini adalah lebih berkesan. Dengan siaran langsung dari Masjid Negara maka sudah tentu para-para isteri dan keluarga di rumah dapat turut serta menghayati tajuk yang sama dengan apa yang didengar oleh suaminya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi Kerajaan harus peka ialah masalah Pernas Edar Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Perbadanan Nasional Berhad yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Antara tujuan Kerajaan mewujudkan Pernas Edar ini ialah untuk membantu Bumiputera mendapatkan bekalan barang-barang jualan. Ini ialah kerana jarang sekali pemborong Bumiputera yang mampu bersaing dengan pemborong bukan Bumiputera. Namun apa yang menjadi kemusykilan saya ialah Pernas Edar ini tidak mempunyai jenis barang yang cukup. Perkara ini sudah pasti menimbulkan kesulitan kepada peniaga-peniaga Bumiputera, Sebagai contoh, kebanyakan pembekal Pernas Edar hari ini hanya memiliki dalam lingkungan 400 jenis

barang jualan, sedangkan untuk membuka sebuah kedai runcit ataupun mini market, jumlah jenis baraaag jualan yang mesti ada hendaklah tidak kurang daripada 1,500 jenis. Ini bermakna setiap peniaga terpaksa mencari tempat lain untuk memenuhi jenis barang jualan. Di samping itu, rata-rata kita mendengar sungutan di seluruh negara bahawa harga jual Pernas Edar adalah lebih mahal daripada pemborong-pemborong yang lain. Saya berharap agar pihak Kerajaan dapat mengkaji dan seterusnya membetulkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang persediaan yang harus dibuat sejak awal-awal lagi oleh Kementerian berkenaan terhadap penerapan nilai Islam, dalam hubungan ini saya ingin menyarankan supaya pihak Kerajaan memperbanyakkan pengambilan doktor-doktor wanita Islam.

Bidang kedokteran ini juga adalah luas dan saya ingin mengkhususkannya kepada perbidanan. Usaha-usaha hendaklah dibuat mulai sekarang bagi memastikan pelajar-pelajar wanita asasi sains di universiti-universiti tempatan mengambil jurusan perbidanan. Jika dalam tempoh 5 tahun dari sekarang seramai 60 doktor-doktor bersalin terdiri daripada doktor wanita maka saya yakin di suatu masa kelak bilangan doktor-doktor wanita yang pakar dalam hal-hal bersalin akan mencukupi. Kalau kita menoleh sebentar ke zaman silam kita dapati bidan-bidan tradisional terdiri daripada wanita-wanita kampung. Tetapi hari ini kebanyakan doktor bersalin adalah terdiri daripada doktor-doktor lelaki. Bayangkanlah para-para isteri terpaksa berhadapan dengan orang-orang yang bukan muhrimnya di wad-wad bersalin. Memang benar dalam keadaan dharurat perkara seumpama ini diharuskan tetapi jika tidak ada usaha-usaha diambil dari sekarang selama mana harus kita halalkan keadaan darurat tersebut.

Saya berharap pihak Kementerian sedar akan perkara ini seterusnya mengambil langkah-langkah perlu bagi memperbaiki keadaan yang ada pada hari ini. Saya berdoa kalau pun pada hari ini isteri-isteri kita bersalin di hadapan doktor-doktor lelaki biarlah suatu hari nanti isteri anak-anak kita diuruskan pula oleh kaum sejenisnya sendiri apabila tiba di waktu yang genting.

Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian saya. Hari ini 60% daripada penduduk negara kita adalah terdiri daripada para-para belia. Dengan jumlah sebegitu ramai tergolong dalam takrif belia maka sudah tentulah Kementerian ini

merupakan sebuah Kementerian yang penting. Apabila disebut saja kaum belia, rata-rata masyarakat beranggapan negatif. Sesuatu yang tidak baik adalah merupakan kerja budak-budak belia. Antara perkara yang dikaitkan dengan belia ialah pengangguran, rosak akhlak, berpelesenan, kutu embun, penagih dadah, pencuri, sampah masyarakat dan lain-lain label lagi yang dicapkan kepada para-para belia. Pendek kata semua perkara-perkara yang tidak baik adalah disebabkan oleh belia. Terutamanya belia-belia yang menganggur.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyarankan kepada pihak Kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih kepada permasalahan belia-belia ini. Tidak dapat dinafikan pihak Kementerian sememangnya mempunyai program dan rancangan dalam mengatasi masalah-masalah belia ini dengan menyediakan peruntukan yang banyak. Tetapi apa yang ingin saya buat perbandingan di sini ialah perbezaan peruntukan bagi belia-belia yang sihat dengan belia-belia yang telah menagih dadah adalah jauh berbeza. Sebagai contoh, peruntukan untuk pembangunan belia hanya 1/10 daripada peruntukan untuk pemulihan penagih-peinagih dadah di serata pusat di seluruh negara. Bagi belia peniaga dan belia peladang pula, tindakan susulan dan pengawasan rapi oleh pihak Kementerian dengan kerjasama Jabatan di peringkat negeri hendaklah dibuat ragar kursus-kursus dan bantuan kewangan yang diberikan tidak disalahgunakan. Yang penting semua bantuan yang dikeluarkan mestilah mendatangkan hasil yang baik dan boleh memberi manfaat kepada golongan sasaran tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha-usaha saya berpendapat soal pokok ialah menyelesaikan masalah belia ini melalui pendekatan

konsep keimanan. Ini bermakna apa sahaja program yang dirangka mestilah berpandu kepada konsep-keimanan ini. Hanya dengan kekuatan akidah sahajalah saya yakin dan percaya masalah belia dapat diselesaikan. Para belia dan beliawanis mesti kita insafkan bahawa dadah itu berdosa, mencuri itu berdosa, mengharapkan bantuan orang itu hina, malas berusaha itu keji, tidak amanah itu dosa, muzik rock itu mengkhayalkan, tidak menghormati ibubapa itu bala dan menuntut ilmu itu wajib. Jika perkara ini dapat dilaksanakan dengan berkesan sudah pasti suatu hari nanti tidak akan ada belia yang menganggur kerana tidak berusaha itu salah di sisi agama kita. Tidak ada lagi yang tidak membayar pinjaman belia kerana tidak amanah itu berdosa. Riadah juga dituntut supaya badan sihat. Dan ini membolehkan para belia melibatkan diri dalam bidang sukan. Jika konsep ini dapat dihayati, sudah pasti negara kita akan dapat melahirkan belia-belia yang berwibawa, dedikasi, berilmu, cergas dan tidak berputus asa kerana dalam konsep keimanan, berputus asa itu dilarang sama sekali walaupun kita gagal dan kecewa beberapa kali.

Melalui penerangan yang menyeluruh dan apabila para belia mempunyai kekuatan akidah, daya tahan dan mental, maka sudah tentulah para-para belia boleh berdikari dan rajin berusaha.

Pihak Kementerian haruslah mempergiatkan lagi penghayatan konsep kekuatan akidah ini terhadap belia-belia sebelum mereka ini benar-benar menjadi sampah masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai Kementerian Belia dan Sukan ini saya ingin menyentuh tentang sukan. Dalam tempoh kurang daripada 150 hari saya kira dari sekarang negara kita akan

menjadi tuan rumah kepada Sukan Asia Tenggara kali ke 15. Kesempatan ini kita gunakan untuk membuktikan kepada dunia luar bahawa negara kita berkemampuan dalam semua bidang. Sebagai bukti negara kita masih aman dan diyakini oleh rakan-rakan serantau. Dalam apa bidang sukan sekali pun kebanyakan negara tuan rumah akan keluar sebagai juara.

Sejak kebelakangan ini Malaysia telah agak ketinggalan dalam bidang sukan. Malaysia gagal dalam hoki, gagal dalam Pesta Bola Merdeka, gagal dalam badminton, gagal dalam lumba basikal dan gagal dalam olahraga. Malah sukan tradisional sepaktakraw pun kita telah tunduk kepada Thailand. Kegagalan semua ini menunjukkan terdapat kepincangan di dalam program dan perancangan yang dibuat oleh Kerajaan. Hari ini publisiti tentang sukan Asia Tenggara masih belum kelihatan selain daripada 2, 3. saat berita yang keluar dalam TV. Sesuatu mesti dibuat untuk membetulkan perkara ini sebelum negara kita ketandusan ahli sukan dan terus tercicir dalam bidang berkenaan. Saya berdoa agar selaku tuan rumah Malaysia akan keluar sebagai johan di sukan Asia, Tenggara kali ke 15 ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya ingin menyentuh 2 perkara mengenai MARA. Objektif penubuhan MARA telah sama-sama kita maklumi. Saya amat tertarik dengan 2 program yang masih lagi diteruskan sekarang.

Pertama, sistem anak angkat. Di bawah skim ini pegawai-pegawai Kerajaan yang berkemampuan digalakkan mengambil seorang pelajar miskin sebagai anak angkat. Bagi saya program ini adalah baik dan memberi manfaat. Walau bagaimanapun, saya suka mencadangkan agar skim ini diperluaskan kepada orang-orang perseorangan yang berminat

terutama di kalangan ahli politik dan ahli-ahli perniagaan. Di samping itu saya juga berpendapat sebahagian kecil dalam 5% daripada sumbangan tadi hendaklah dimasukkan dalam tabung khas. Tabung khas ini boleh digunakan untuk lain-lain tujuan kebajikan pelajar-pelajar berkenaan di suatu masa kelak. Sepertimana yang sedia maklum sumbangan setiap bapa angkat adalah di antara \$150 hingga \$300 setahun dan saya percaya jumlah ini tentulah tidak menjadi masalah untuk orang-orang yang sudah teguh kedudukan kewangannya.

Tuan Yang di-Pertua, MARA juga hingga Hari ini masih mengeluarkan pinjaman untuk bumiputera. Baru-baru ini terdapat ura-ura pihak MARA menyediakan pinjaman untuk membuka mini market kepada peniaga-peniaga bumiputera. Apa yang menjadi masalah hari ini pihak MARA telah gagal mengutip kembali semua pinjaman yang telah dibuat. Kegagalan ini berpunca dari banyak sebab seperti gagalnya projek yang diusahakan, teksi terlibat dalam kemalangan dan sikap peniaga itu sendiri.

Di sini jika benar pihak MARA bercadang untuk mengeluarkan pinjaman bagi memulakan perniagaan mini market, saya suka mencadangkan supaya MARA tidak menyediakan pinjaman kewangan. Sebaliknya pihak MARA hendaklah membuat depo barang-barang runcit di setiap negeri. Ini bermakna MARA tidak perlu mengeluarkan wang, sebaliknya menyediakan barang-barang jualan. Banyak kebaikannya melalui sistem ini seperti pihak MARA boleh terus memberhentikan pengeluaran barang kepada peniaga-peniaga yang tidak membuat bayaran selepas tamat tempoh yang ditetapkan. Cadangan ini bukanlah bererti pihak MARA terpaksa bersaing dengan PERNAS EDAR tetapi seperti yang saya sarankan sejak awal tadi, PERNAS sendiri tidak mempunyai senarai barangan yang mencukupi di samping harga jualan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1990 adalah merupakan 'tahun Melawat Malaysia' sementara tahun ini Malaysia menjadi tuanrumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel dan Sukan Asia Tenggara. Dua peristiwa ini seharusnya diambil peluang oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia supaya pengeluaran maklumat dan publisiti dibuat secara meluas bagi memastikan kita berjaya menarik sebahagian pengunjung tahun ini untuk datang kembali pada tahun hadapan. Kempen-kempen yang berterusan mengenai Sukan Asia Tenggara di samping kecekapan kita mengendalikan Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel itu akan dengan sendirinya menarik nama Malaysia di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memberikan peruntukan yang lebih kepada pembangunan negara dan luar bandar di mana tambahan

sebanyak \$400 juta lagi adalah dibuat dalam tahun 1989-1990. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan di atas pertambahan ini dan saya berharap ianya akan benar-benar memberi manfaat kepada keseluruhan rakyat di luar bandar kelak. Saya juga ingin menekankan supaya perhatian yang lebih diberi kepada bekalan api dan air luar bandar memandangkan masih banyak kawasan yang belum mendapat bekalan api dan air. Di samping itu pembinaan jalan-jalan luar bandar, penurapan serta penaikkan taraf harus diberi keutamaan supaya semua lapisan masyarakat merasakan nikmat dan erti kemerdekaan. Walaupun agak susah bagi Kerajaan untuk menyediakan semua kemudahan ini bagi semua tempat, tetapi perancangan yang teliti haruslah ada mulai sekarang supaya tidak ada pihak yang terabai oleh pembangunan,

Justeru itu, penempatan pegawai-pegawai Kerajaan di kawasan-kawasan luar bandar mestilah dibuat mengikut kesesuaian dan minat yang mendalam agar mereka dapat sama-sama memainkan peranan yang berkesan dalam usaha membangunkan negara kita ini. Penempatan pegawai-pegawai yang kurang minat dan kurang pengalaman semata-mata akan menjejaskan kelemahan sistem pentadbiran Kerajaan kepada orang-orang kampung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua perkara pokok yang ingin saya sentuh di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Pertamanya mengenai masalah penagihan dadah. Hari ini masyarakat umum beranggapan mereka yang menagih dadah adalah terdiri daripada petnuda dan pemudi yang tidak bekerja, iaitu belia menganggur. Saya ingin menyarankan di sini supaya pihak Kerajaan membuat kajian yang terperinci untuk mengenal pasti siapa sebenarnya atau golongan mana

sebenarnya lebih ramai terlibat dalam penagihan dadah ini. Apakah benar mereka ini terdiri daripada mereka yang tidak bekerja atau mereka yang bekerja lebih ramai terlibat dengan dadah ini? Satu perangkaan tepat haruslah ada sebelum usaha pencegahan dapat dibuat. Ini ialah pendekatan kepada masalah ini tidak sama di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain. Maksud saya, jika kita hendak mengatasi masalah dadah di kalangan belia di luar bandar, cara pendekatan yang harus diambil adalah tidak sama dengan cara mengatasi masalah dadah di kompleks-kompleks membeli-belah di bandar-bandar. Cara mereka itu adalah berlainan.

Saya menekankan perkara ini kerana penagihan dadah telah berleluasa di kawasan-kawasan FELDA. Kemungkinan usaha Kerajaan pada hari ini belum begitu berkesan dan gejala ini masih berterusan. Selain daripada pendekatan melalui konsep keimanan seperti yang saya sarankan awal-awal tadi, Kerajaan harus juga berjaya membendung pembekal-pembekal dadah ini. Jika pembekal-pembekal ini dapat dikurangkan, sudah pasti penagih-penagih dadah akan berkurangan, kerana penagih hendak, menagih apa jika bekalan tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebebasan akhbar pula, saya sudah paati ingin menyarankan rasa syabas yang tidak terhingga kepada Kerajaan. Belum pernah dalam sejarah Malaysia moden kita kebebasan akhbar begitu menonjol selain daripada zaman Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir kita ini. Dasar liberal dan terbuka Kerajaan kita ini telah benar-benar diambil kesempatan oleh pihak media massa. Bukan sahaja, syarikat percetakan wujud seperti cendawan tumbuh banyaknya, tetapi isu-isu yang dipaparkan pun

kebanyakannya kadang-kadang menghentam Kerajaan....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, boleh saya bertanya sama ada panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Terima kasih. Walau bagaimanapun, kebebasan ini harus ada batasnya dan harus dikawal. Kebanyakan akhbar memuatkan cerita yang diambil daripada kenyataan-kenyataan orang tertentu sahaja. Jadi dengan berbuat demikian, pihak akhbar telah terselamat daripada tuduhan memuatkan berita-berita palsu. Kita faham bahawa kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh orang-orang yang tertentu ini kebanyakannya merupakan pandangan dan tanggapan individu sahaja dan bukannya merupakan anggapan yang menyeluruh. Tetapi yang peliknya tanggapan individu ini juga membawa kesan negatif kepada pembaca-pembaca yang kurang berfikir. Yang lebih menghairankan saya ialah mereka yang bebas membuat kenyataan di akhbar-akhbar ini adalah merupakan orang yang sama yang menuduh Kerajaan kita ini diktator, kuku besi dan zalim. Oleh yang-demikian saya berpendapat kebebasan yang begini rupa harus dikawal supaya berita-berita palsu yang tersebut tidak disebarkan oleh akhbar-akhbar berkenaan semata-mata untuk melariskan jualan akhbar mereka. Sepatutnya pihak akhbar juga harus mengamalkan konsep penerapan nilai-nilai Islam di mana penyebaran berita-berita yang tidak baik walaupun benar, adalah tidak baik dan patut diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian Malaysia di peringkat

antarabangsa hai ini adalah cemerlang sekali. Pengiktirafan dunia terhadap dasar luar negeri ini adalah membanggakan. Sepatutnya isu-isu inilah yang perlu diberitahu oleh akhbar-akhbar tersebut kepada orang-orang kampung supaya mereka turut berbangga. Malaysia terpilih sebagai Pengerusi Badan Dadah Antarabangsa dan Malaysia terpilih sebagai Pengerusi Badan Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang memutuskan dasar keselaratan dunia sejagat. Ini merupakan kejayaan yang sama bererti yang dengan sendirinya menaikkan imej Malaysia di mata dunia.

Dasar luar negara kita mengenai Palestine dan Afghanistan juga amat jelas. Kerajaan kita telah membenkan sokongan terbuka dan pengiktirafan kepada Kerajaan Islam Afghanistan dan menambahkan lagi keharuman nama Malaysia kita terutama di kalangan negara-negara Islam. Saya dengan ini merakam ucapan tahniah, saya kepada Kerajaan dalam semua kejadian ini termasuklah peranan, yang, kita mainkan dalam isu perdamaian Iran/Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sedang berusaha untuk memperbesarkan dan memodenkan lagi sistem pertahanan Malaysia. Langkah ini sememangnya saya sokong-memandangkan cabaran di dekad ke 90an ini amat lebih hebat lagi. Walaupun kita tidak berniat untuk berperang dengan sesiapa juga, tetapi persediaan untuk memperengkapkan diri dengan senjata moden adalah perlu bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Sehubungan dengan perkara ini, saya ingin menyarankan agar pihak Kementerian dapat mempertingkatkan lagi disiplin para anggota tentera kita yang sedia ada dari masa ke semasa. Perkara ini adalah penting dan anggota tentera kita hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar mempunyai daya tahan yang tinggi. Untuk mencapai perkara ini, pihak keagamaan yang ditubuhkan dahulu mestilah memainkan peranan yang aktif agar matlamat menanamkan rasa ketaatan kepada Allah, bangsa dan negara tersebut dapat dipertingkatkan.

Perbuatan-perbuatan seperti pencerobohan oleh tentera-tentera asing terutamanya ke negeri kita sepertilah tahun-tahun yang lalu walau dalam apa bentuk dan alasan sekalipun tidak harus dipandang ringan sama ada perbuatan tersebut secara tidak sengaja mahupun sengaja, maruah negara mestilah diutamakan. Kita tidak harus berpuashati dengan alasan-alasan yang telah diberikan oleh negara-negara berkenaan semata-mata kerana mahu menjaga hubungan baik dengan negara luar tersebut, mana tahu mereka benar-benar ingin menguji kesabaran kita dalam menghadapi situasi yang begitu. Saya mahu Kerajaan memandang berat perkara-perkara tersebut dan jika perlu biarlah kita buat bantahan rasmi walaupun sampai ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan para anggota kita juga hendaklah dititikberatkan terutama sekali para anggota yang terlibat dalam mengendalikan alat-alat moden seperti juruterbang Skyhawk. Baru-baru-ini kita sama-sama merasai saat cemas apabila beberapa buah jet pejuang jenis Skyhawk telah musnah sama sekali menjalani latihan, bukan sahaja Kerajaan kehilangan dan kerugian harta yang bernilai ratus juta ringgit itu tetapi kaum kerabat turut kehilangan nyawa dan jika boleh Kementerian berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kehilangan sebuah pesawat pejuang tahun lepas bersama-sama dengan juruterbangnya. Hingga hari inipun kita tidak tahu apakah hasil penyiasatan yang telah dijalankan dan bukti-bukti bahawa jet tersebut sebenarnya terhempas entah ke mana. Langkah-langkah keselamatan ini bukan sahaja bagi anggota yang bertugas di dalam negara tetapi juga yang bertugas di negara seperti Namibia.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah dahulu, dengan ini saya menyokong. Lagi sekali saya menyokong dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Ainon.

4.22 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati seorang Presiden yang sentiasa adil, sentiasa memberikan garis panduan yang baik kepada ahli-ahli Senate sekalian.

Saya juga ingin mengambil bahagian untuk turut membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6.3.1989 yang lalu. Sesungguhnya Titah Ucapan Duli Baginda walaupun tidak sepanjang tahun yang lalu tetapi ucapannya lengkap, padat, bernas dan merangkumi semua aspek yang penting-penting bagi kehidupan, kemakmuran, kesejahteraan rakyat Malaysia utamanya dan negara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini iaitu ingin merafakkan sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada Yang Atnat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang dikasihi dan juga kepada Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Rafidah Aziz merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia di atas kesudian Duli Tuanku dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Datin Paduka ketua kami yang telah menyambung untuk senatorship bagi saya untuk Penggal Yang Kedua beserta rakan-rakan yang lain. Sesungguhnya saya merasa amat

bersyukur kerana dengan itu saya dapat lagi memberikan sumbangan khidmat di dalam Dewan yang mulia ini semoga ianya mendatangkan faedah kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Tuanku saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya rasa penting dibawakan di Dewan ini. Pertama-tama saya juga sekali lagi menjunjung sembah kepada Duli Tuanku di atas segala khidmat cemerlang Duli Tuanku selaku Yang di-Pertuan Agong kepada negara kita dan walaupun tempoh perkhidmatan itu hampir tamat, kita rakyat termasuk saya mendoakan Daulat Dergahayu untuk Duli Tuanku dan seraoga beliau kekal sejahtera meraerintah Negeri Johor Darul Takzim di samping memberikan khidmatnya kepada keseluruhan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Tuanku antara lain beliau juga telah menyentuh mengenai peri pentingnya perpaduan. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai hal ehwal perpaduan di aegara kita ini. Sesungguhnya kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dengan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri kita sebagai pucuk pimpinan pemegang teraju negara dan segala Menteri-menteri yang berada di Kabinetnya kerana setelah kita menghadapi berbagai-bagai dugaan, olahan, rintangan, cubaan dan cabaran tetapi negara kita pada ketika ini telah mula stabil dan pulih daripada isu-isu yang sesungguhnya kadangkala membimbangkan dan kadangkala mengejutkan dan ada juga kalanya amat mengecewakan. Ini adalah berkat kerjasama dan perpaduan erat di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan ahli-ahli Kabinetnya disokong oleh rakyat jelata.

Demam pilihanraya pun telah berlalu. Kita tidak nafikan semasa pilihanraya-pilihanraya kecil berbagai-bagai perkara timbul, berbagai-bagai isu sensitif diketengahkan dan ianya merupakan

seolah-olah seperti duri dalam daging dan merisau serta merunsingkan rakyat ramai yang cintakan kedamaian dan yang cintakan kepada ketnakhmuran, kesejahteraan di negara kita ini.

Namun begitu, saya juga ingin menyeru kepada pihak-pihak yang terlampau suka membuat cerita yang tidak senang duduk diam selain daripada mereka-reka cerita, mendesignkan berbagai-bagai design yang saya rasa kebanyakannya tidak berasas supaya menghentikan perbuatan itu kerana ini merugikan rakyat, merugikan negara dan merosakkan imej serta perekonomian negara kita sendiri. Kita bimbang kalau ada lagi cerita-cerita rekaan ini, kalau ada lagi cerita-cerita yang seolah-olah merupakan dajal di dalam perkembangan politik dan perkembangan kestabilan negara kita akan menjejaskan perekonomian kita lagi kerana mungkin pelabur-pelabur asing merasa bimbang pula untuk hendak melabur terus ke negara kita ini kerana cerita-cerita yang saya rasa satu cerita yang berbentuk 'hanky-panky' dan mempunyai tujuan-tujuan jahat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, semoga pihak-pihak berkenaan akan dapat memegang semangat bahawa kepentingan negara dan rakyat hendaklah diletakkan lebih tinggi daripada kepentingan peribadi dan janganlah hendaknya ada menyimpan rasa irihati, dengki kepada pihak-pihak lain yang telah mula menunjukkan bakat atau sumbangan baiknya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Ekonomi Baru dan mengenai peranan MPEN, saya juga rasa amat kecewa dan saya juga rasa kesal serta rasa bosan (fed-up) dengan sikap daripada parti Pembangkang DAP. Setelah Kerajaan berikan mereka sepenuh-penuhnya hak, setelah Kerajaan beri mereka sepenuh-penuh peluang untuk mereka memperkatakan apa yang wajar untuk negara ini, corak mana perekonomian negara perlu diteraju di masa hadapan selepas 1990 tetapi mereka telah bersikap seperti sikap biasanya iaitu menunjukkan sikap yang tidak wajar, sikap yang tidak matang 'walk-out' daripada MPEN sebagaimana telah kita maklumkan. Kita tidak faham apakah yang mereka mahu, apakah yang mereka hendak dan mengapa mereka bersikap hanya membangkang membuta-tuli tanpa membuka hati mereka kepada pintu perundingan demi untuk rakyat jelata.

Kita harap rakyat Malaysia akan sedar dengan tindak-tanduk DAP ini dan akan tidak terus menyokong kepada kerja-kerja jahat mereka yang ingin melihat negara ini kucar-kacir dan mengadu-dumba antara rakyat dengan rakyat, rakyat dengan pemimpin dan pemimpin dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kekesalan ini kita rasakan terlalu menusuk di hati kerana setelah mereka keluar mereka pula membuat berbagai-bagai komen, berbagai-bagai syak wasangka, pra-sangka kepada tujuan baik dan keikhlasan Kerajaan membentuk MPEN ini. Tetapi saya percaya dengan pepatah Melayu yang memperkatakan kalau ayam tidak berkokok, hari akan siang juga. Mudah-mudahan ini akan menyedarkan rakyat Malaysia kepada tindak-tanduk si DAP dan mudah-mudahan mereka menjadi tidak popular di kalangan rakyat jelata di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ekonomi juga, saya ingin menyentuh sedikit mengenai industri kampung. Sesungguhnya kita mengalu-alukan tentang perisytiharan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengenai industri kecil dengan memberikan peluang pinjaman tidak berfaedah kepada kumpulan atau kepada mereka atau syarikat yang ingin memainkan peranan, ingin berusaha untuk mengadakan industri kampung di kawasan atau di tempat masing-masing. Sesungguhnya pinjaman-pinjaman yang tidak berfaedah ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin akan dapat memberikan nafas kepada mereka yang berminat dan mereka yang mempunyai pengalaman ataupun yang sudah mendapat sedikit-sebanyak pengalaman bagi membuka industri-industri kampung. Hanya saya, Tuan Yaug di-Pertua, di harap pinjaman yang diberikan kepada mereka ini diiringi dengan

tunjuk ajar, diiringi dengan khidmat-nasihat dan panduan supaya mereka benar-benar dapat melaksanakan industri kampung yang dipilih dan yang ditentukan dengan jayanya dan dapat membayar balik pinjaman yang tidak berfaedah itu, kerana kalau tidak ada bimbingan atau khidmat-nasihat, kita bimbang kepada mereka yang belum lagi berpengalaman, perkara ini akan menyebabkan mereka gagal juga di dalam cita-citanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan ucapan syabas kepada MARDI yang telah berjaya menyiasat, mengkaji dan mencipta berbagai-bagai makanan ringan dan makanan berbentuk segera yang diusahakan daripada bahan-bahan tempatan. Umpamanya, baru-baru ini kita lihat di Televisyen bagaimana MARDI telah berjaya mencipta berbagai-bagai jenis bahan campuran, kuih-kuih yang diperbuat daripada pisang, nenas dan juga yang diperbuat daripada buah-buahan tempatan. Cuma diharapkan apabila MARDI telah berjaya mencipta bahan-bahan berkenaan untuk dalam negeri atau untuk dieksport, tidak pula ianya menjadi satu perkara atau isu baru persaingan dengan syarikat-syarikat rakyat yang ingin membuat perniagaan perusahaan di lapangan berkenaan sepertimana yang pernah keluarnya rungutan-rungutan di atas peranan yang dijalankan oleh PERNAS-EDAR.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sekali lagi menyentuh Kementerian Kesihatan. Mungkin saya sudah terlalu banyak Kementerian ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini merupakan Kementerian yang ada kaitannya dengan kesihatan dan nyawa manusia atau rakyat jelata, Dalam jawapan Timbalan Menteri Kesihatan mengenai Pertanyaan Mulut yang saya kemukakan, beliau

mengatakan bahawa masalah mesin rawatan radio-therapy yang bernama linear accelerator ini dalam proses pembelian, dalam keadaan yang baik, dalam kedudukan yang memuaskan dan purata jawapan itu seolah-olah tiada masalah, seolah-olah tiada kepincangan, seolah-olah tiada apa perkara yang menyulitkan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya membuat kajian sendiri mengenai perkara ini. Mesin rawatan therapy di General Hospital, Kuala Lumpur- ada sebanyak 6 buah, 2 daripadanya terbaharu. Dalam 6 buah ini 4 sahaja yang berfungsi, 2 telah rosak teruk - yang menampung semua pesakit-pesakit dari seluruh Malaysia yang berjumlah beribu-ribu orang, yang mengidap penyakit-penyakit yang kebanyakannya dalam kumpulan kanser, ada yang kanser dada, kanser telinga, kanser kepala, leukaemia dan penyakit-penyakit dalaman yang berbentuk tumbuhan yang mudarat yang memerlukan rawatan yang panjang dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, pernah kejadian, mesin yang dua ini juga "jammed" kerana terlalu dipergunakan. Pesakit-pesakit yang datang dari Pulau Pinang, dari Perlis, dari Melaka yang perlu mendapat rawatan yang berturut-turutan telah terbengkalai rawatan itu selama seminggu dan 2 minggu dan ada di antara pesakit yang mati kerana tidak mendapat rawatan yang wajar mengikut cara yang sistematik. Selain daripada itu, apabila mesin ini rosak atau break down, pakar-pakar untuk memperbaikinya, menghairankan, tidak ada di Malaysia, terpaksa dijemput dari Taiwan, Hong Kong dan juga dari negara Eropah. Saya benar-benar terperanjat. Rupa-rupanya selama ini kita membeli mesin-mesin tanpa teknisyennya atau tanpa engineerinya, ataupun tukang yang mahir atau pakar-pakar yang mengerti, yang

maklum, yang faham - kalau mesin-mesin itu menghadapi apa-apa kerosakan. Saya tidak faham mengapa perkara begini berlaku. Apakah kita kekurangan tenaga pemikiran untuk menyediakan pakar-pakar ini atau kita tidak cukup duit juga alasannya untuk menghantar anak-anak atau warganegara kita mempelajari hal-ehwal yang berkaitan. Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, mesin rosak seminggu, kena panggil pakar dari luar negeri, tunggu pula pakar itu datang, jadi 2 minggu, dan pernah kejadian baru-baru ini sebulan-bulanan mesin itu terus rosak.

Selain daripada itu, keadaan tempat mesin itu juga sangat menyedihkan. Saya rasa sahabat saya seorang doktor ada dalam Dewan ini, mungkin beliau dapat merasakan apa yang saya katakan, kerana bagi mereka yang tidak memikirkan dengan teliti perkara ini mungkin tidak kesah. Tempat untuk radio-therapy di General Hospital ini diletakkan di bawah kolong atau di basement. Kemudian tempat itu sudah bocor sana sini, dimana wayar-wayarnya itu sudah selalu sahaja "short" ataupun selalu sahaja tergendala kerana titisan daripada air-air hujan di sebabkan kebocoran yang berkenaan, dan bilik-bilik untuk mesin-mesin ini menakutkan seperti gua batu. Di dalamnya tidak begitu kemas dan bersih dan pegawai-pegawai ataupun mereka yang mengendalikan mesin itu yang terdiri daripada doktor ataupun pembantu doktor ataupun pembantu juruteknik atau lain-lainnya, meja-meja mereka tidak lebih kurang seperti meja-meja "petition writer" di depan-depan Mahkamah dahulunya - sekarang sudah tidak boleh lagi, dahulu ada begitu; atau seperti meja-meja di taxi stand, ataupun meja-meja biasa yang tidak begitu sesuai dengan jawatan-

jawatan mereka. Sekali lagi saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana begini keadaannya, sedangkan Kuala Lumpur, statusnya Ibu negara yang mendapat sanjungan di seluruh dunia sebagai bandar yang termoden dan yang terbaik dan terbersih. Nasib baik pelancong-pelancong, pelawat-pelawat luar negeri, negarawan-negarawan luar negeri tidak pernah di bawa melawat ke tempat ini. Kalau tidak, mungkin mereka juga menggeleng kepala.

Bukan itu sahaja tempat yang saya rasa terperanjat, tetapi juga tempat membuat ultra-sound. Sebab itu saya kemukakan soalan sama ada Menteri sedar atau tidak. Tetapi saya rasa sedih, jawapannya seolah-olah semua okay, semua baik, semua elok, yang kita tegur untuk memperbaikinya kerana setelah saya buat tinjauan secara mendalam, didapati pegawai-pegawai atau orang yang bertanggungjawab di Jabatan berkenaan iaitu doktor-doktornya telah mengemukakan masalah-masalah mereka, telah mengemukakan kesulitan-kesulitan mengenai mesin tempat rawatan ini, tetapi katanya, tahun demi tahun tidak pernah mendapat layanan. Ultra-sound, iaitu satu tempat untuk membuat rawatan dalaman, tempat pembaringan untuk pemeriksaan itu juga sudah begitu usang dan tidak sesuai. Langsirnya juga tidak berganti, mungkin 7 tahun lamanya dan bilik-biliknya juga tidak begitu sesuai dengan bilik rawatan ultra-sound.

Tempat sakit jantung yang telah begitu bertambah, yang telah menaikkan nama Hospital itu sendiri apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, seorang negarawan yang berjiwa Malaysia, yang berjiwa rakyat, yang kasihkan tanahairnya, telah sanggup dibedah di General Hospital yang serba lengkap tetapi ada juga kekurangannya ini sebagai tanda bahawa beliau itu anak Malaysia dan menghormati segala perkara yang ada di negaranya, pun ada kelemahannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Timbalan Menteri yang berkenaan - Menterinya telah meninggalkan kita - insya Allah, sesiapa yang menggantinya, berilah perhatian perkara-perkara ini semua kerana jantung merupakan asas kepada pernafasan manusia. Kalau tempat rawatannya tidak begitu memuaskan, bagaimanakah fungsi pengrawatannya nanti. Dan saya juga mengucapkan tahniah di atas kejayaan-kejayaan yang dibuat oleh doktor-doktor di hospital di dalam serba kekurangan, mereka telah berjaya juga dalam semua kerja-kerja rawatan yang dilakukan. Dalam keadaan yang begitu dhaif, mereka terus berkhidmat dengan dedikasinya. Ini syabas, dan setelah ditinjau kenapa ada cerita di antara doktor-doktor ini yang terpaksa meninggalkan Kerajaan, lari mencari kemewahan dan membuka klinik sendiri atau bekerja dengan swasta, didapati ada juga yang perlu difikirkan boleh Kerajaan terutama Kementerian yang berkenaan. Umpamanya, pakar tempat Klinik Sakitpuan. Klinik Sakitpuan di Kuala

Lumpur yang menampung beribu-ribu pesakit wanita mempunyai seorang pakar dalam hal sakitpuan kerana pakar-pakar yang ada sebelum ini, yang ramai, telah meletakkan jawatan dan lari daripada berkhidmat dengan Kerajaan. Sebab musababnya bila ditinjau ialah mengenai imbuhan atau layanan serta bayaran-bayaran kepada perkhidmatan yang tidak seimbang, yang tidak sesuai serta jadual kerja yang nampaknya tidak begitu adil dan terlalu berat. Umpamanya, seorang doktor oleh kerana kekurangan pakar, terpaksa cover Tanjung Malim, Ipoh, Pulau Pinang, Perlis, Johor, sekiranya ada kes-kes di hospital-hospital berkenaan. Maka pesakit yang di Kuala Lumpur terpaksa menunggu doktor ini kembali untuk meneruskan rawatannya.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan rakyat adalah satu perkara yang mesti dititikberatkan. Kalau rakyat ramai yang tidak sihat, mengidap penyakit-penyakit berjangkit yang tidak dirawat, ianya merupakan satu epidemic, wabak kepada masyarakat kita nantinya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mesin tadi, saya mencadangkan berilah peruntukan khas dan adakanlah pakar-pakar untuk membetul, membaikpulih mesin berkenaan. Adakan juga mesin ini di hospital-hospital di Pantai Timur kerana ada pesakit-pesakit yang terpaksa diterbangkan daripada Kelantan dan Terengganu untuk mendapat rawatan ini atau naik ambulans datang ke Kuala Lumpur, duduk di sini berbulan-bulan dengan susah-payah menumpang sana-sini semata-mata kerana hendakkan rawatan mesin yang berkenaan. Adalah baiknya pihak Kerajaan segera membeli mesin ini. Kita tahu mahal tetapi peruntukan kalau kena gayanya, insya Allah, ada dan kalau perlu

diadakan satu kutipan derma, sponsorship daripada syarikat-syarikat yang kaya-raya, buat rayuan urapamanya, saya percaya perkara ini juga kalau benarlah duit jadi masalah, dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, keluarga saya meninggal dunia kerana tidak mendapat rawatan yang wajar daripada rawatan mesin therapy ini. Sebab itu saya merasakan sangat perkara ini wajar, jika kena pada diri saya tetapi sudah kena pada yang lain dan akan terus-terusan kena kepada rakyat jelata, kalau ianya tidak segera diberikan perhatian berat. Kita dengar rungutan baru-baru ini bagaimana Menteri Kesihatan kita meninggal di dalam keadaan yang tidak mendapat pertolongan yang segera, walaupun telah dijelaskan kedudukan perkara yang sebenarnya. Kuasa Tuhan kita tidak dapat mengelakkannya, kita percaya dengan takdir, Tuan Yang di-Pertua, tetapi usaha mesti dibuat bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kedudukan Wilayah Persekutuan, negeri tempat saya tinggal. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Kemajuan Wilayah Persekutuan di bawah pimpinan Timbalan Menterinya. Didapati Jabatan ini bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah banyak menjalankan tugas-tugasnya yang baik, dinamik dan hari demi hari telah mencipta berbagai-bagai kemajuan dan berbagai-bagai kestabilan mengenai infrastruktur dan juga berbagai-bagai perkara di dalam Wilayah Persekutuan. Tetapi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah ibu negara. Hospitalnya hanya satu, perlu ditambah lagi, saya syorkan tambah lagi hospital ini supaya boleh menampung penduduk-

penduduk di dalam Wilayah Persekutuan. Dalam pembangunan yang begitu pesat, dalam kemajuan yang begitu meningkat, kita juga mengharapkan Kementerian Pendidikan menyegerakan pelaksanaan membina sekolah-sekolah menengah yang sudahpun diluluskan peruntukannya.

Sebentar tadi Menteri Pendidikan ada, saya harap ada wakilnya di sini - iaitu ada satu sekolah menengah yang sudah diluluskan peruntukannya iaitu di kawasan Batu. Kami mengharapkan segerakan pelaksanaan membina sekolah menengah ini kerana Wilayah Persekutuan kekurangan benar sekolah-sekolah menengah, Saya telah mendapat taklimat daripada Ketua Jabatan Pendidikan atau Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah, seorang wanita yang dinamis, mengatakan bahawa Wilayah Persekutuan memerlukan sekurang-kurangnya 30-40 buah sekolah menengah menjelang tahun 2000 dan bagi menampung keadaan semasa sekurang-kurangnya ada 9 atau 10 buah sekolah menengah diperlukan. Kalau tidak, tidak tahulah ke mana hendak dialirkan anak-anak kita yang lulus daripada sekolah-sekolah rendah yang perlu atau yang wajar, layak pergi ke sekolah-sekolah menengah. Kita harap redtape ini ketepikan dan segerakan kepada pelaksanaannya kerana pendidikan juga merupakan perkara penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas di atas pengisytiharan Timbalan Menteri di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dengan kemajuan wilayah mengenai tuition atau kelas-kelas bimbingan yang hendak dibuat atau dianjurkan berbentuk dua peringkat. Yang pertama ialah untuk kelas bimbingan yang berbentuk di pusat atau berpusat, ertinya ada centrenya, dan yang kedua

di rumah-rumah pangsa. Saya harap dengan adanya rancangan-rancangan tambahan ini yang hendak membentuk dan hendak membendung anak-anak, belia-belia, beliawanis-beliawanis khasnya dari Wilayah Persekutuan supaya tidak membuang masa dengan percuma, menjadi kutu-kutu rayau di Kompleks-kompleks Membeli-belah dan kemudian masuk dekat tempat-tempat perjudian ringan, tempat-tempat permainan Snooker, juga tempat permainan video-tape dan juga permainan-permainan yang banyak mendatangkan keburukan selain daripada kebaikan. Syabaslah atas syor itu, semoga mendapat sokongan dan dapat dilaksanakan dengan bantuan daripada Yayasan Wilayah Persekutuan dan juga bantuan daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab termasuklah Jabatan Belia dan Sukan, Wilayah Persekutuan.

Kita dapati permasalahan anak-anak muda yang merayap-rayap, merayau-rayau ini kian hari kian meningkat, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi juga di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban dan lain-lain tempat termasuk Kuantan yang telah begitu pesat membangun Kompleks Membeli-belahnya. Kita dapati anak-anak kita ada di situ, ramai jumlahnya, dan setengah mereka memakai unifonn, setengah mereka itu sudah bertukar pakaian, masuk dalam bilik air, sekejap keluar tukar pakaian lalu merayau-rayau. Dan paling terakhir saya mendapat makluman daripada ibu bapa di Wilayah Persekutuan bahawa mereka risau kerana anak mereka di hari-hari mingguan (weekend days) selalu sahaja menghadiri parti-parti yang dipanggil "Teadance", bukan "Breakdance" - jamuan teh, dalam jamuan teh ada tari-menari muda-mudi yang dianjurkan oleh kelab-kelab atau dianjurkan oleh rumah-rumah private.

Tuan Yang di-Pertua, mintalah diambil perhatian berat oleh pihak-pihak yang berkenaan, sekat segera. Kita tidak mahu nanti dalam pembangunan pesat, dalam penagihan dadah yang begitu menjalar maka kita menghadapi lagi satu keruntuhan akhlak, muda mudi bergaul bebas di bawah umur yang belum matang, yang akan terdorong kepada perkara-perkara yang boleh membawa kepada kerosakan akhlak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan di dalam kepesatan pembangunan Wilayah Persekutuan sebagai Bandaraya yang pertama di Malaysia ini, rasanya oleh kerana telah ada Bandaraya-bandaraya lagi dalam Malaysia seperti Ipoh, Pulau Pinang dan Melaka maka ada baiknya Wilayah Persekutuan atau Bandaraya Kuala Lumpur ini dinaikkan tahapnya kepada satu wilayah yang boleh meletakkan seorang Gabenor. Sekarang ini kita ada Datuk Bandar. Ada negara-negara lain seperti Jakarta umpamanya yang juga berbentuk wilayah telah menaikkan taraf bandarayanya daripada di bawah naungan, pimpinan atau teraju seorang Datuk Bandar dinaikkan kepada Gabenor, maka saya rasa Wilayah Persekutuan juga sudah layak untuk mempunyai atau dinaikkan tahapnya mendapat naungan atau bimbingan atau diletakkan di bawah kendalian, naungan seorang Gabenor selain daripada struktur-struktur yang tertentu mengikut peraturan-peraturan Perlembagaan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan daripada saya.

Saya ingin menyentuh juga Kementerian Penerangan. Lagi sekali tahniah saya kepada Yang Berhormat Dato' Mohamed bin Rahmat, Menteri

Penerangan yang telah berani membuat pengisytiharan mengenai etika pengiklanan. Beliau telah membentuk Panel untuk membincangkan hal ehwal iklan atau Panel Iklan di mana telah ditentukan bahawa iklan-iklan yang disiarkan di XV hendaklah berbentuk Malaysia daripada pelakunya, aspirasinya, dialognya juga hal ehwal penggambarannya. Syabas! Rasanya sudah agak terlewat perkara ini. Pernah dahulu-dahulu pun Wanita UMNO membawa, merayu perkara ini tetapi sekarang sudah mendapat perhatian. Terima kasih. Tetapi bukan iklan sahaja yang perlu diperhatikan, dari segi aspirasi ke Malaysiaannya tetapi juga rancangan-rancangan hiburannya iaitu mengenal style, pendekatan, persembahan, pakaian. Kita boleh lihat sekarang, terutama di TV3 bagaimana persembahan-persembahan lagu-lagu Melayu yang telah banyak dibaratkan, kadang-kadang saya pun tidak faham melodinya, tidak, faham rentaknya, tidak ada hujung-pangkalnya, mungkin saya bukan seorang ahli muzik, yang ala jazz atau kumpulan The Blues yang saya tidak faham dari mana irama itu datangnya, Tidak ada unsur Melayu, tidak ada unsur Cina, tidak ada unsur India, kebanyakannya unsur-unsur kebaratan dan pada saya tidak begitu enak - berleluasa sekarang ini.

Begitu juga pakaian-pakaian yang meniru style-style Kumpulan Punk dan lain-lainnya, saya rasa ini juga perlu diberikan perhatian dan perlu dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja perhatiah, dilaksanakan kerana pakaian-pakaian yang moden, bukan mesti pendedahan-pendedahan atau merupakan pakaian-pakaian seperti orang baru keluar dari Tanjong Rambutan. Pakaian-pakaian yang seksi, saya rasa boleh dibuat tanpa menjolok mata dan menimbulkan satu reaksi yang buruk di

kalangan penonton-penontonnya.

Tuan Yang di-Pertua, baiklah kita asaskan segala-galanya kepada keMalaysiaan seperti Thailand buat, seperti negara-negara lain buat. Di Indonesia sendiri tidak ada siaran-siaran yang begitu menjolok mata di TVnya dan juga di media-media layar perak.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ialah siaran-siaran untuk rakyat jelata, rakyat ramai tetapi kalau filem-filem tidaklah dinafikan ada filem-filem yang untuk orang tua, untuk orang muda-muda, untuk orang yang antara tua dengan muda dan untuk orang yang di bawah 18 tahun. Tetapi maksud saya ini merupakan siaran-siaran untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Penerangan, saya juga ingin menyentuh mengenai industri perfileman. Ada dialog akan diadakan dan dijemput Senator-senator untuk bersama-sama berdialog dengan FINAS. Saya mengucapkan terima kasih kerana kadangkala saya pun kurang arif dan keliru dengan peranan FINAS ini. Apa yang saya tahu ialah industri perfileman di negara kita ini kian merosot, kian lembab dari kian lemah. Tidak tahulah saya bagaimana cara-caranya hendak dibuat lagi supaya negara Malaysia juga boleh menjadi negara industri filem yang terkemuka, sekurang-kurangnya bagi Tenggara Asia. Di mana silap salahnya kita tidak faham. Negara kita tidak berjaya lagi dalam industri perfileman ini walaupun berbagai-bagai ikhtiar telah dibuat. Kita harap FINAS dan pihak-pihak yang berminat, berkaitan macam Persatuan Pengeluaran Filem, kita punya seniman, seniwati dapat bersatu-padu mencari jalan bagaimana supaya industri perfileman di negara kita ini menjadi sumber kewangan, tinggi mutunya dan dapat mengeksport

filem-filem yang baik sekurang-kurangnya di Tenggara Asia. Dan saya rasa dalam hal ini ada baiknya Kementerian Dalam Negeri menyekat sedikit kemasukan filem-filem asing ke Malaysia ini bagi membolehkan filem-filem tempatan, filem-filem negeri kita sendiri diedarkan atau ditayangkan atau mendapat pasaran khasnya dalam negeri kita dan amnya di negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana semalam mengenai hal masalah kesatuan sekerja bertikai dengan Kerajaan telah mendapat penyelesaian yang wajar. Kita mengharapkan pihak kesatuan sekerja di lain kali janganlah terlalu ghairah dan tergopoh-gapah, jangan terlalu suka menggunakan ugutan-ugutan. Mengapa tidak diutamakan bermesyuarah atau berunding. Kita dapati ada satu trend bahawa kesatuan sekerja menganggap Kerajaan itu sebagai enemy, musuh-mereka. Jadi, selalu bila ada pertelagahan kecil jadi. besar-besar hingga sampai Surat Pekeliling puu timbul kekeliruan. Syukurlah, perkara telah selesai tetapi sukalah kita mengingatkan kepada kesatuan-kesatuan sekerja di Malaysia janganlah ada motif politik dan jangan terlalu ghairah dan jangan pula selalu menggunakan ugutan-ugutan kerana yang akan rugi mereka juga nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia juga dalam, Titah Ucapannya menyentuh mengenai pelaksanaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah. Duli Tuanku juga mengharapkan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah akan dapat dijayakan dan sesungguhnya saya rasa amat dukacita, saya rasa tidak begitu senang dengan saranan-saranan bahawa belum masanya lagi Bahasa Malaysia itu digunakan di mahkamah, tidak adil kalau Bahasa Malaysia digunakan di mahkamah, nanti clients loyar-loyar tidak faham, tidak tahu, tidak boleh membicarakan dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa lagi alasan-alasan itu hendak didengar. Sudah 31 tahun kita memberikan peluang kepada warganegara, loyar-loyar supaya menguasai Bahasa Malaysia. Kalau ada loyar-loyar yang tidak mahu, tidak faham Bahasa Malaysia, nah! letak jawatan, berhenti jadi lawyer, ambil sahaja loyar-loyar lain yang telah banyak mahir, faham, fasih dan boleh menguasai Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap Kementerian Kehakiman, Kerajaan tidak lagi akan memberikan kelonggaran teragak-agak, menunda-nunda masa penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah ini. Kerana kalau sudah dalam undang-undang, kita tidak dapat hendak bertegas, hendak menganggap Bahasa Malaysia itu sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa negara, bahasa perpaduan, bahasa perhubungan maka bagaimana rakyat luar negeri, rakyat yang memang tidak senang dengan Bahasa Malaysia hendak menghormati bahasa itu. Saya menyarankan tidak ada maaf bagi mereka yang ingin berdalih-dalih dalam penggunaan Bahasa Malaysia, bukan sahaja di mahkamah, tetapi juga di mana-mana, termasuklah di swasta-swasta.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kerakyatan. Sesungguhnya dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri baru lalu di Dewan ini setiap tahun beribu-ribu ramainya kelulusan telah diberi kepada permohonan untuk menjadi warganegara. Maka tidak timbullah minta kelonggaran supaya ramai lagi boleh jadi warganegara walaupun mereka tidak pandai dalam Bahasa Malaysia sekadar menjawab soalan interview pun. Biasanya interview untuk menjadi warganegara senang-senang soalnya. Kalau inipun tidak dapat difahami, tidak dapat mereka itu hendak menguasainya, memang mereka tidak layak menjadi warganegara.

Walaupun mereka tua atau muda, mereka tidak patut diberi kerakyatan. Kalau mereka mahu, tentu mereka boleh menguasai Bahasa Malaysia. Pepatah Melayu berkata 'hendak seribu daya, tidak hendak seribu helah'. Kita tidak mahu kualiti rakyat kita rendah dan kita tidak perlu dengan kuantiti sahaja yang tidak berkualiti. Kita mahu kuantiti dan kualiti dan test kepada kualiti itu ialah mereka yang mahu, yang rasa hendak warganegara perlu dahulu menghayati segala etika, kewarganegaraan negara kita satu daripada yang penting, menguasai Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir, saya juga ingin menyentuh mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Syabas dan tahniah kepada daya usaha Kementerian ini yang telah mewujudkan Pusat Latihan Kemahiran Tinggi di Sepang. Semoga ini dapat memberikan lagi nafas kepada warganegara khususnya belia untuk mengurangi pengangguran dan untuk membantu mereka berdikari dalam menghadapi hidup mereka. Tetapi saya ingin tahu bagaimana perkembangan Pusat Latihan Kemahiran Tinggi, Sepang ini? Setelah diisytiharkan lepas itu senyap sahaja. Apakah perkembangannya sehingga ini? Bagaimana pengambilan perjawatan atau staffing? Adakah kakitangannya itu telah mula berfungsi menjalankan usaha-usaha dan melaksanakan matlamat pusat yang berkenaan ini? Kerana kalau dilambat-lambatkan kita bimbang hasilnya nanti lambat juga. Jadi, harap Kementerian yang berkenaan memberi perhatian berat kepada Pusat Latihan yang diwujudkan ini yang saya rasa amat penting dalam perkembangan negara yang ada terutama mengurangkan pengangguran. Saya juga ingin bertanya apakah yang terjadi kepada PLB Jitra iaitu Pusat Latihan Belia di Jitra. Adakah Pusat Latihan ini merancang untuk mengadakan latihan yang sama seperti di Pusat Latihan Kemahiran Tinggi atau akan berfungsi kepada lain-lain latihan yang praktikal? Ingin saya

mendapat tahu perkembangannya dan bagaimana pula sambutannya sehingga ini? Adakah pihak Kerajaan Kedah, ertinya Jitra di dalam negeri Kedah, memberikan kerjasama penuh dalam pelaksanaan fungsi PLB ini?

Perkara yang saya ingin sentuh juga ialah mengenai Gimnasium Rakyat. Sangat baik diwujudkan Gimnasium Rakyat ini. Tetapi saya juga ingin bertanya sebab tidak ada perkembangannya, tidak ada publisitinya dan tidak ada penerangan, mungkin saya ketinggalan. Tetapi saya percaya banyak pihak juga kurang arif tentang perkembangan perkara ini iaitu sehingga ini Gimnasium Rakyat ini berapa ramai ahlinya dan kemudian bagaimana sambutan Kerajaan Negeri kepada pembentukan pembinaan Gimnasium Rakyat di negeri-negeri mereka sebagaimana yang pernah diutarakan oleh Menteri Belia dan Sukan sebelum ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menghadapi menjadi tuan rumah Sukan SEA yang ke-15 ini, saya juga mengharapkan bahawa Persatuan-persatuan Olahragawan janganlah terlampau banyak politik di dalam persatuan itu hingga Menteri Belia dan Sukan kita pening kepala dan mungkin juga kalau Perdana Menteri kita mendengar turut pening kepala di dalam kita meningkatkan olahragawan kita, tetapi persatuan-persatuan asyik berpolitik. Jadi, bagaimana kita hendak meninggikan mutu kesukanan negara ini. Mintalah kepada yang berkenaan, hayatilah perkataan "Sukan untuk Negara" sebenar-benarnya dan hayatilah juga bahawa imej dan mutu kesukanan negara adalah perkara yang lebih penting daripada emosi kepentingan diri, golongan, kumpulan dan juga individu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh atau tidak menyusul kepada seperkara yang pernah saya bawa ke Dewan ini iaitu mengenai kegiatan Al-Arqam. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, di manakah beradanya pemimpin Darul Arqam ini iaitu Sheikh Ashaari ini, di mana dia berada sekarang? Saya difahamkan beliau ini selalu sahaja ke luar-luar negeri. Bagaimana pihak Imigresen, adakah mengikuti perkembangan beliau yang selalu sahaja terbang keluar negeri mempengaruhi negara-negara luar, negara-negara Islam di luar, dengan kegiatan-kegiatannya yang terang-terang menyeleweng daripada asas dan akidah agama. Saya juga mendapat faham baru-baru ini beliau telah pergi ke Mesir, kemudian ke Thailand, kemudian ke Pakistan, lepas itu New Zealand dan Australia dan mengembangkan segala ajaran-ajaran sesatnya. Tidak adakah kita berdaya-upaya untuk menyekat atau untuk mengenakan tatatertib sekurang-kurangnya kepada beliau ini yang akan merosakkan akidah dan juga tumpuan kesucian agama bukan sahaja di negara kita tetapi di negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai Al-Arqam ini. Saya dapati mula-mula dahulu mereka ini sudah pun mula bermesyuarat dengan pihak Pusat Islam dan telah juga mahu berunding mengenai dengan pendaftaran kepada kumpulan ini. Sheikh Ashaari setelah kita heboh-heboh mengenai tindak-tanduknya nampaknya pada satu ketika agak kendur sedikit tetapi sekarang telah mula membuat satu lagi design, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan ajaran-ajaran sesatnya. Kita harap sangatlah Kementerian Dalam Negeri, Wisma Putra dan Imigresen kita dapat membuat follow-up, dapat membuat penelitian. Kita bukan dengki atau iri hati. Kita tidak mahu perkara-perkara,

benih-benih yang tidak baik merosakkan Islam berkembang biak. Kita perlu memberikan sekatan dan perlu mengambil tindakan tatatertib kepada perkara-perkara yang dilakukan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca satu aurat yang saya terima dari seorang murid yang bersekolah di Sekolah Menengah Vokasional Perdagangan, Jalan Tun Abdul Razak, Johor Bahru. Katanya, "Bonda, sekolah ini sekolah Al-Arqam, ustaznya selalu cerita tentang Al-Arqam dan dia selalu memaksa murid-muridnya supaya menghadiri usrah, menghadiri tahlil, menghadiri ceramah hingga sarapai jam 12. Jadi kami merasa seksa ceramah-ceramah jara 12, bangun 4.30 pagi dan kemudian terus pula lagi terpaksa membuat Sembahyang Subuh. Selepas itu diikuti lagi dengan ceramah sampai saya anakanda tidak dapat hendak membuat kerja-kerja sekolah ataupun membaca buku. Bonda, adakah sekolah ini sudah jadi sekolah Al-Arqam?" Demikian seorang murid menulis surat kepada ibunya dan bukan ini sahaja berlaku, banyak sekolah lain juga telah dilesapi oleh al-ustaz, al-ustazah mereka. Kita sekali lagi mengharap supaya diadakan satu follow-up, susulan, perhatian kepada perkara ini. Kalau benar mereka menjalankan kerja yang seauai dengan agama, kita beri mereka laluan, kita sokong, kita beri mereka itu raasa dan peluang. Tetapi kalau sampai menyebabkan anak-anak tidak dapat belajar pada pelajaran asas, sampai menyesatkan dan sampai menfanatikkan murid-murid sekolah, saya tidak tahu apa akan berlaku nantinya kalau dibiarkan berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua dengan hujah-hujah itu dan dengan rasa rendah diri saya memohon maaf kepada pihak-pihak berkenaan sekiranya ada perkara-perkara yang saya kemukakan tidak disenangi. Tetapi niat saya adalah baik bagi membina dan membetulkan dan bagi mengesyor pandangan-pandangan yang saya rasa wajar dan mungkin kalau dilaksanakan mendatangkan faedah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini lagi sekali saya menjunjung kasih merapatkan sembah kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Lt. Kol. Abdul Hamid bin Ibrahim.

5.10 ptg.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Usul untuk mengucapkan berbanyak-banyak. syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen yang Ketujuh, baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tempoh keahlian saya sebagai Ahli Dewan Negara akan berakhir pada penghujung tahun ini, maka ini adalah peluang terakhir bagi. saya berucap di dalam perbahasan Usul seperti ini di Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh serba sedikit mengenai masalah-masalah yang dialami oleh bekas-bekas perajurit serta keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali perlu saya sebutkan di sini bahawa bekas-bekas perajurit adalah sebahagian daripada kita semua. Namun apa yang pernah mereka berikan kepada negara sangatlah besar artinya kepada kita semua. Mereka menyenyakkah tidur kita di malam hari dan memudahkan tugas kita di siang hari dengan keberanian dan kesanggupan menggadaikan nyawa demi nusa dan bangsa. Sebahagian daripada mereka terkorban di tangan musuh, meninggalkan waris-waris yang pernah menjadi tempat bergantung. Sebahagian yang lain pula meneruskan sisa-sisa hidup kerana usia semakin lanjut. Alangkah sedihnya kerana sebahagian daripada mereka kini ada yang menderita dan sangat daif.

Tuan Yang di-Pertua, kisah perajurit yang gagah berani menentang musuh bukanlah cerita dongeng yang disampaikan untuk menidurkan anak-anak. Ia juga bukan peristiwa yang hendak diungkit-ungkitkan dari masa ke semasa. Umum mengetahuinya dan sejarah merakamkannya. Namun sebaik sahaja pakaian seragam itu diketepikan, segala jasa mereka hanya tinggal kenangan belaka. Sepertimana yang sering saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, sebaik sahaja mereka tanggalkan pakaian seragam dan menjalani hidup sebagai orang awam adalah ibarat sungai menuju ke kuala penuh liku dan lumpur, masalah demi masalah datang menimpa,

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, masalah bekas perajurit ini bukanlah masalah baru. Masalah ini telah dikemukakan semenjak beberapa tahun yang lalu. Saya sendiri telah menarik perhatian. Ahli-ahli Dewan serta mereka yang berkenaan semenjak tahun 1983 lagi. Ada di antara mereka yang barangkali sudah jemu mendengarnya. Jika mereka yang berkenaan masih ada di dalam Dewan yang mulia ini, saya terlebih dahulu memohon maaf serta berharap mereka dapat bersabar dengan mengizinkan saya menyentuh perkara ini buat kali yang terakhir di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk menghuraikan segala masalah yang dialami oleh bekas-bekas perajurit dengan panjang lebar. Saya hanya ingin membuat rayuan serta memohon jasa baik Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan supaya dapat menyelesaikan beberapa masalah bekas perajurit yang dialami oleh mereka sekian lama. Saya harap perkara-perkara tersebut dapat diatasi sebelum saya bersara untuk kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ingin saya tujukan kepada Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut:

- (i) Mengenai Pekeliling Perkhimatan Bil. 4/1979.
- (ii) Elaun untuk penerima-penerima Pingat Seri Pahlawan Gagah Berani dan Pingat Gagah Berani.
- (iii) Pengiktirafan Kemahiran dan ketukangan Angkatan Tentera.
- (iv) Masalah mengenai bekas-bekas Regiment Infantry, Singapura.
- (v) Kebenaran kepada bekas-bekas perajurit untuk menggunakan segala kemudhan membeli-belah di kedai-kedai PURNAMA.
- (vi) Pencen bekas-bekas Tentera British.
- (vii) Keutamaan kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bekas perajurit untuk mendapatkan tawaran kontrak di Kementerian Pertahanan.
- (viii) Tabung Pusingan bagi membantu bekas-bekas perajurit dalam bidang perniagaan.
- (ix) Bancian untuk bekas-bekas perajurit.
- (x) Biro Kerja untuk bekas-bekas perajurit.
- (xi) Sumbangan derma daripada Tabung Angkatan Tentera.
- (xii) Sumbangan derma daripada Kerajaan.
- (xiii) Tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan.
- (xiv) Kemunculan Persatuan-persatuan Bekas Perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi perkara pertama adalah mengenai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1979. Pekeliling ini telah menetapkan beberapa jawatan di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam yang mesti dipenuhi oleh bekas-bekas perajurit mengikut peratusan yang telah ditetapkan serta syarat-syarat mengenai tanggagaji dan sebagainya. Oleh sebab perkara ini tidak diamalkan dengan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang berkenaan, maka kami telah merayu serta memohon kepada pihak Kerajaan untuk mengambil sebarang tindakan bagi membetulkan keadaan yang kurang memuaskan. Rayuan kami telah dibuat beberapa kali dan akhirnya pada 30hb Mac, 1988 iaitu hampir genap setahun yang lalu, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Othman Abdul, semasa menjawab pertanyaan saya di Dewan yang mulia ini, telah menyatakan bahawa Kerajaan telahpun selesai membuat semakan kepada Pekeliling Perkhidmatan tersebut. Hasil daripada semakan itu, Kerajaan bercadang membuat beberapa pindaan. Pada hari ini 28hb Mac, 1989, kurang dua hari genaplah setahun, satu berita pun masih tidak kedengaran. Maka di sini saya dengan rendah hati memohon penjelasan daripada pihak Kementerian Pertahanan mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah mengenai elaun kepada pahlawan-pahlawan Malaysia yang telah dikurniakan Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan Pingat Gagah Berani (PGB). Masalah ini telah ditimbulkan semasa wujudnya pingat-pingat tersebut. Beberapa rayuan telah dibuat untuk mendapatkan elaun tersebut tetapi sehingga hari ini belum ada apa-apa keputusan yang dibuat mengenai-nya.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya 24 orang yang telah dianugerahkan Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan 76 orang Pingkat Gagah Berani.

Pada hemat saya penerima anugerah pingat-pingat tersebut amatlah kecil jumlahnya. Kalau dikira Kerajaan telah berjaya menyelesaikan berbagai-bagai masalah pembayaran kenaikan gaji dan sebagainya yang melibatkan beratus-ratus juta ringgit dalam tempoh yang sama. Sebaliknya Kerajaan gagal pula menyelesaikan masalah yang sedemikian kecil. Walau bagaimanapun, harapan saya menjadi cerah apabila saya dimaklumkan di Dewan yang mulia ini oleh pihak Kementerian Pertahanan semasa menjawab soalan saya pada 29.3.1988 bahawa Kerajaan telahpun mengenalpasti perkara tersebut dan ianya akan dilaksanakan apabila dipersetujui oleh Kabinet kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kini genaplah setahun kenyataan itu dibuat tetapi kami masih lagi menunggu keputusan Kabinet yang saya percaya telah mengadakan mesyuaratnya tidak kurang daripada 50 kali sepanjang tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga ialah pengiktirafan kemahiran ketukangan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kemahiran ketukangan yang diperolehi oleh bekas-bekas perajurit semasa berkhidmat di dalam Angkatan Tentera tidak diiktirafkan oleh badan-badan pengiktirafan seperti Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Pertukangan Kebangsaan (LLPPK), Jemaah Pemeriksa Elektrik, Jabatan Laut, Jabatan Telekom dan sebagainya dan lain-lain badan profesional dan teknikal. Masalah ini telah timbul tidak kurang dari 30 tahun yang lalu dan sehingga saat ini masalah ini masih lagi belum dapat diselesaikan oleh Kerajaan. Ini mengakibatkan sebahagian besar daripada bekas-bekas perajurit gagal mendapat pekerjaan yang

bersesuaian dengan kelayakan dan pengalaman mereka. Keadaan seperti ini adalah tidak adil dan tidak sepatutnya berlaku memandangkan mereka mempunyai kelayakan yang setanding dan pengalaman yang lebih luas jika dibandingkan dengan mereka yang baru keluar daripada institusi kemahiran.

Oleh sebab perkara ini tidak dapat diselesaikan oleh pihak Kementerian Pertahanan sehingga sekian lama saya ingin tahu apakah rancangan Kementerian bagi mempercepatkan penyelesaian masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat ialah mengenai bekas-bekas Regimen Infantri Singapura. Ringkasan masalah ini adalah seperti berikut.

Pada masa perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965 terdapat ramai warganegara Malaysia yang sedang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Singapura dan sebaliknya. Mereka ini telah diberi pilihan sama ada untuk terus berkhidmat dengan Angkatan Tentera Singapura atau berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Sejumlah 702 orang anggota telah merailih untuk kembali berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Walau bagaimanapun, rekod perkhidmatan anggota-anggota tersebut tidak didapati dari pihak Singapura. Oleh kerana itu ianya telah menjejaskan pengiraan tempoh perkhidmatan sebahagian daripada anggota-anggota tersebut bagi menentukan kadar ganjaran dan pencen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah juga mengambil masa yang begitu panjang untuk diselesaikan. Maklumat terakhir yang saya terima dari Kementerian Pertahanan ialah pada 18.4.1985 iaitu empat tahun yang lalu bahawa Kementerian Pertahanan sedang berusaha dengan

Kerajaan Singapura untuk menyelesaikan perkara tersebut. Pada 15.12.88 saya telah mengemukakan satu soalan kepada Kementerian Pertahanan di Dewan yang mulia ini mengenai hasil-hasil yang diperolehi oleh Kementerian Pertahanan di dalam usahanya untuk menyelesaikan masalah ini dengan Kerajaan Singapura. Malangnya soalan ini tidak diberi jawapan yang dimaksudkan. Oleh yang demikian besarlah harapan saya untuk mengetahui keputusannya sekarang daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima ialah kebenaran kepada bekas-bekas perajurit untuk menggunakan kemudahan membeli-belah di kedai PURNAMA. Dalam hubungan ini saya telah dimaklumkan oleh pihak Kementerian Pertahanan melalui jawapan pertanyaan saya di Dewan yang mulia ini pada 13.12.88 bahawa Kerajaan masih lagi menimbang permohonan bekas-bekas perajurit untuk menggunakan kemudahan tersebut. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapat penjelasan sama ada keputusan telah dapat dicapai. Sekiranya tidak bilakah ianya akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keenam ialah mengenai pencen bekas-bekas Tentera British. Saya difahamkan bahawa selepas inisiatif yang diambil oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk berunding menyelesaikan masalah ini dengan pihak Kementerian Pertahanan British, Kementerian Pertahanan Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk membantu pihak British mengatasi masalah ini. Saya juga dimaklumkan bahawa jawatankuasa tersebut telahpun mengemukakan satu memorandum kepada Kerajaan British melalui Pesuruhhaja Tinggi British di Malaysia dengan sokongan penuh

bagi kenaikan pencen tersebut, Saya bagi pihak Persatuan Bekas Perajurit Malaysia mengucapkan syabas serta terima kasih yang tidak terhingga atas usaha cemerlang Kementerian Pertahanan Malaysia. Walau bagaimanapun, saya berharap dapat pihak Kementerian Pertahanan menggunakan jasa baik untuk menggesa Kerajaan British untuk bertindak dengan secepat mungkin kerana sebahagian besar daripada bekas-bekas Tentera British tersebut telah lanjut usianya dan ramai juga yang telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketujuh ialah keutamaan kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bekas-bekas perajurit untuk mendapat tawaran kontrak di Kementerian Pertahanan. Masalah ini juga masalah lama kerana pihak Kementerian Pertahanan enggan mengeluarkan perintah tetap untuk memberi keutamaan tersebut kepada tiap-tiap bekas perajurit. Perintah yang sedia ada adalah perintah lama yang digubalkan oleh pegawai-pegawai British di mana keutamaan diberi kepada bekas perajurit untuk menjalankan kerja-kerja kecil di kem-kem Angkatan Tentera seperti mencuci parit, menebas rumput dan sebagainya. Pada hemat saya adalah wajar bagi Kementerian Pertahanan menggesa Kerajaan kita supaya keutamaan yang dimaksudkan itu dapat dikuatkuasakan untuk kepentingan bekas-bekas perajurit. Jikalau pihak British boleh berbuat demikian untuk bekas-bekas perajurit kita, mengapakah kita sendiri tidak boleh berbuat sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelapan ialah tabung pusingan bagi membantu bekas-bekas perajurit dalam bidang perniagaan.

Dalam masalah ini saya hairan kenapa pihak Kementerian Pertahanan menolak terus cadangan-cadangan yang dibuat mengenai perkara ini walhal Kementerian tersebut telah menyediakan berbagai kursus di Pusat Latihan Kemahiran untuk menggalakkan bakal-bakal bekas perajurit menceburi bidang perniagaan. Bukankah munasabah bagi Kerajaan membantu mereka dengan kemudahan wang untuk memulakan perniagaan mereka. Saya sedar dan kerap kali dinasihatkan oleh Kementerian Pertahanan bahawa mereka yang terlibat boleh membuat permohonan daripada institusi-institusi kewangan yang sedia ada tetapi apalah keupayaan bekas-bekas perajurit ini untuk berbuat demikian. Mereka tiada mempunyai pengalaman di bidang perniagaan, mereka tidak mempunyai harta untuk dicagarkan, mereka tidak mempunyai pengetahuan untuk menulis kertaskerja. Jadi macam manakah mereka akan memperolehi wang pinjaman daripada institusi-institusi yang dimaksudkan itu. Akibatnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka pulang ke kampung bekerja dengan pihak lain. Itu pun jikalau ada kekosongan, jika tidak menganggurlah mereka dan menderita selamanya.

Untuk menentukan keadaan sedemikian tidak berlaku, saya merayu kepada Kementerian Pertahanan supaya dapat meneliti semula perkara ini dengan lebih mendalam lagi dan seterusnya dapat menubuhkan Tabung tersebut dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ke-9, ialah banciaan untuk bekas perajurit. Dalam hubungan ini saya telah membentangkan satu soalan mengenainya di Dewan yang mulia ini pada 12hb Julai 1988 dan jawapan yang saya terima daripada Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut. Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk mengadakan

banci seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu bagi menentukan jumlah bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka serta kedudukan mereka yang sebenarnya dari segi ekonomi dan sosial. Kementerian ini berpendapat perkara bancian yang dicadangkan itu memerlukan perbelanjaan yang besar sekiranya ia hendak diadakan, ia seharusnya diadakan menyeluruh, meliputi seluruh negara dan tidak tertumpu kepada bekas-bekas perajurit sahaja. Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut, cadangan itu tidak sesuai dijalankan pada masa ini. Sehubungan dengan ini juga, perkara bancian sepatutnya dijalankan oleh pihak Persatuan Bekas Perajurit Malaysia ke atas ahli-ahlinya sendiri supaya dengan ini pihak Persatuan dapat membanci ahli-ahli mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terkilan dengan jawapan yang diberi kepada saya mengenai perkara ini. Saya terkilan kerana Kementerian Pertahanan enggan membuat sesuatu yang pada hemat saya sangat penting bukan sahaja dari segi kebajikan, perancangan bahkan ianya juga penting dari segi keselamatan negara. Di samping itu, saya juga kurang faham mengapa Kementerian Pertahanan melibatkan seluruh negara walhal apa yang dikehendaki ialah bancian untuk bekas perajurit sahaja. Saya juga kurang faham apa sebab Kementerian Pertahanan menggesa Persatuan Bekas Perajurit Malaysia menjalankan bancian ke atas ahli-ahlinya sendiri. Soal pokok bancian yang dimaksudkan bukanlah dihadkan kepada ahli-ahli Persatuan Bekas Perajurit sahaja yang hanya mempunyai 70,000 orang ahli. Soalnya ialah bancian untuk bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka yang pada keseluruhannya berjumlah tidak kurang daripada setengah juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sebagai majikan adalah wajar bagi Kementerian Pertahanan menjalankan bancia ini dan saya juga berpendapat bahawa bancia yang dimaksudkan itu tidak memerlukan perbelanjaan yang besar kerana Angkatan Tentera Malaysia mempunyai sumber-sumber dan tenaga kerja di seluruh negara untuk melaksanakannya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ke-10 ialah Biro Kerja khusus untuk bekas-bekas perajurit. Mengenai perkara ini ingin saya memaklumkan bahawa saya telah membuat satu soalan di Dewan yang mulia ini pada 29hb November 1988 yang lalu: meminta Kerajaan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah unit khas bagi membantu bekas-bekas perajurit mendapatkan pekerjaan di dalam sektor awam dan swasta. Jawapan yang diberi ialah Kerajaan tidak bercadang berbuat demikian. Sekali lagi saya merayu kepada Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan supaya mehubuhkan Biro Kerja ini agar dapat bekas-bekas perajurit yang belum dan memerlukan pekerjaan mendaftar untuk mendapat pekerjaan. Saya sedar bahawa pada masa ini Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit telah menyediakan kemudahan untuk bekas-bekas perajurit mendaftar diri untuk mencari pekerjaan. Walau bagaimanapun, saya percaya dengan penubuhan Biro tersebut. Ia akan dapat memberi perkhidmatan yang lengkap, bukan sahaja untuk mendaftar diri, bahkan untuk memberi khidmat-nasihat dan bimbingan kepada pencari-pencari kerja dan yang penting sekali ialah untuk mencari kekosongan pekerjaan, Biro seperti ini perlu dikendalikan oleh tenaga profesional yang berkelayakan dan berpengalaman, bukannya pekerja-pekerja sambilan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ke-11 ialah sumbangan derma dari Angkatan Tentera. Dalam hubungan ini ingin saya memaklumkan bahawa

semenjak beberapa tahun yang lalu pihak Angkatan Tentera Malaysia telah menyumbangkan derma kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sebanyak \$10,000 setahun untuk menampung perbelanjaan Persatuan. Saya bagi pihak Persatuan mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan ini. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, wang ini adalah daripada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera yang disatukan dengan izin, Armed Forces Consolidated Welfare Fund, yang ditubuhkan oleh Angkatan Tentera melalui rebate yang dibayar oleh PERNAMA dan dari sumber-sumber yang lain. Saya difahamkan bahawa rebate yang dibayar kepada Tabung ini makin bertambah pada tiap-tiap tahun tetapi sumbangan yang diberi kepada Bekas Perajurit masih belum bertambah..

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ahli-ahli Persatuan juga bertambah dengan begitu pesat, maka saya mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada pihak berkuasa iaitu Kementerian Pertahanan agar dapat menambah sumbangan yang murni ini supaya kami dapat membantu lebih ramai bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ke 12 ialah mengenai sumbangan derma daripada Kerajaan. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa selain daripada sumbangan berjumlah \$3 juta yang didermakan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk membina Wisma Pahlawan di Kuala Lumpur pada tahun 1973, Kerajaan Malaysia tidak memberi apa-apa sumbangan kepada Persatuan tersebut untuk menampung perbelanjaannya yang berjumlah tidak kurang daripada \$1 juta setahun untuk tujuan kebajikan. Barangkali perkara ini memeranjatkan tetapi ianya adalah benar. Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan di sini bahawa ini tidak bererti bahawa Kerajaan tidak memberi sokongan dan bantuan kepada Persatuan di dalara usaha-usahanya untuk mengutip wang bagi memperkukuhkan Tabung Kebajikannya.

Malahan Kerajaan telah berusaha mendapatkan Syarikat Penerbangan Malaysia atau MAS dan PETRONAS menderma sebanyak \$1 juta daripada setiap syarikat untuk menderma kepada Persatuan. Walau bagaimanapun, pada hemah saya adalah wajar bagi Kerajaan kita memberi sedikit sumbangan kepada mereka sebagai bukti bahawa Kerajaan tidak melupakan jasa-jasa mereka kepada negara. Oleh itu saya merayu kepada Kementerian Pertahanan sekali lagi supaya berusaha mendapat peruntukan tahunan bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketigabelas ialah mengenai tanggungjawab hal-ehwal bekas perajurit di Kementerian Pertahanan. Pada ketika ini tugas rasmi bahagian ini ialah untuk memberi latihan kemahiran dan bantuan, mencari pekerjaan kepada anggota-anggota yang hampir tamat perkhidmatan mereka di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Ini bermakna bahawa tanggungjawab bahagian ini tamat apabila anggota-anggota Tentera itu tamat perkhidmatan mereka dengan Angkatan Tentera. Keadaan ini sangatlah merunsingkan kerana masalah-masalah yang sering dialami oleh anggota-anggota ini adalah berlaku selepas mereka menamatkan perkhidmatan. Pada masa inilah masalah-masalah pekerjaan, perumahan, persekolahan, penyesuaian dan sebagainya mulai timbul. Dalam keadaan sedemikian mereka sangat memerlukan bantuan.

Dalam hubungan ini, saya difahamkan bahawa Kerajaan telahpun mengambil keputusan dalam tahun 1968 supaya tanggungjawab dan tugas bahagian ini diperluaskan kepada anggota-anggota yang telah tamat perkhidmatan mereka yakni bekas-bekas perajurit. Keputusan yang

dibuat oleh Kerajaan adalah wajar, tetapi malangnya ia tidak dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertahanan. Oleh yang demikian, pada hari yang mulia ini ingin saya mengambil kesempatan untuk merayu di Dewan yang mulia ini agar pihak Kementerian Pertahanan dapat melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh Kerajaan hampir 21 tahun lalu. Dengan perlaksanaan tersebut ia pasti membantu menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang timbul di kalangan bekas-bekas perajurit terutamanya masalah kebajikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempatbelas ialah kemunculan berbagai persatuan bekas-bekas perajurit sejak akhir-akhir ini. Dalam hal ini saya ingin memaklumkan bahawa dalam masa yang singkat beberapa persatuan kebajikan kononnya untuk membantu bekas-bekas perajurit telah ditubuhkan di merata negara. Persatuan-persatuan tersebut seringkali menggunakan nama bekas perajurit untuk mengutip derma. Keadaan ini telah mengelirukan rakyat serta para dermawan di negara kita. Akibatnya mereka enggan menderma kerana tidak tahu siapakah yang sebenar-benarnya mewakili bekas-bekas perajurit di Malaysia. Yang sangat mencurigakan saya ialah cara persatuan-persatuan ini menggunakan strategi-strategi yang membimbangkan untuk memenuhi tabung mereka. Saya juga runsing mendengar berita-berita mengenai penyalahgunaan wang yang mereka kutip itu. Oleh yang demikian, saya bagi pihak Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dengan penuh harapan mohon agar Kementerian Pertahanan dapat mengisytiharkan kepada umum bahawa Persatuan Bekas Perajurit Malaysia adalah persatuan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai persatuan utama bagi mewakili bekas-bekas perajurit di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, izinkan saya menyatakan di sini bahawa sebahagian daripada perkara-perkara yang saya sebutkan di sini sebentar tadi tidak seharusnya dibawa ke Dewan yang mulia ini. Tetapi memandangkan kegagalan perkara-perkara berkenaan disempurnakan semenjak sekian lama maka tidak dapat tidak perkara ini saya bentangkan di sini untuk mencari penyelesaian. Mudah-mudahan ada di antara Ahli-ahli Dewan ini yang boleh membantu Kerajaan untuk mencapai matlamatnya dalam segala usahanya untuk membantu bekas-bekas perajurit.

Saya juga berharap Kementerian Pertahanan tidak menganggap rayuan saya ini sebagai bidasan yang sengaja diungkit-ungkitkan untuk kepentingan diri sendiri. Di sini ingin saya maklumkan bahawa saya bukanlah seorang ahli politik. Walau bagaimanapun, saya terpaksa terlibat dalam politik sebab saya telah dilantik sebagai Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini. Namun politik saya ialah untuk memperjuangkan hak-hak dan kepentingan bekas-bekas perajurit di negara ini. Apa yang saya hujahkan sama ada di dalam atau di luar Dewan semenjak 15 tahun yang lalu adalah datangnya dari bekas-bekas perajurit. Sebagai salah seorang pemimpin bekas perajurit Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menyampaikan hasrat dan harapan pahlawan-pahlawan yang pada suatu masa disanjung tinggi kerana jasanya yang tidak ternilai kepada negara.

Oleh yang demikian, saya berharap agar pihak berkenaan dapat menerima teguran-teguran khususnya rayuan-rayuan yang saya buat pada hari ini dan mudah-mudahan dapatlah kita bersama-sama berganding bahu menyelesaikannya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

5.49 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk mengucapkan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parliaraen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkhidmatan awam masih boleh dipertingkatkan untuk faedah dan kebajikan rakyat jelata.

Pada setakat ini kebanyakan surat seperti surat aduan, surat permohonan dan surat permintaan sentiasa tidak dapat dijawab. Tetapi kebanyakan surat yang telah dihantar ke Ibupejabat di Kuala Lumpur mendapat layanan yang cepat dan cekap. Kebanyakan Pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat daerah nampaknya tidak berapa minat untuk menjawab surat-surat daripada rakyat. Kerajaan harus ingin kebanyakan orang kampung atau pekan kecil sentiasa terpaksa meminta tolong menulis segala surat rasmi kerana kebanyakan di antara mereka tidak bersekolah tinggi. Surat-surat rasmi yang mereka hantar dengan usaha dan tenaga patutlah dilayan dengan cara cepat dan cekap.

Saya percaya arahan-arahan telah disampaikan kepada semua pejabat-pejabat Kerajaan bahawa semua surat diwajibkan dilayan dan dijawab dalam tempoh tnsa tidak lebih daripada dua minggu. Tetapi dengan dukacitanya saya ingin menyatakan arahan-arahan yang paling penting daripada Jabatan Perdana Menteri telah diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya tidak silap, ramai rakyat dalam negara Malaysia kita masih belum dikurniakan tanah. Saya berpendapat jika ada orang yang berminat bercucuk-tanam patutlah diberi tanah jika tnereka masih tidak mempunyai tanah di mana-mana. Jika belia yang berminat bercucuk-tanam, maka mereka patut diberi tanah supaya mereka boleh berusaha dengan mengeluarkan hasil daripada tanah. Bercucuk-tanam boleh membantu pihak berkuasa mengatasi setengah daripada masalah pengangguran. Tetapi menurut trend atau keadaan sekarang, masih ramai orang kaya diberi tanah dengan cara besar-besaran. Tanah yang mereka perolehi dengan cara besar-besar

itu akan menjadikan mereka lebih kaya.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan orang tidak mampu memperoleh congkel mencegah Hepatitis B kerana ubat ini adalah sangat mahal. Saya harap Kerajaan akan menyediakan satu anggaran perbelanjaan khas untuk memberi congkel mencegah Hepatitis B kepada mereka yang tidak mampu memperoleh kemudahan perubatan di klinik persendirian. Untuk permulaan kempen pencegahan Hepatitis B patutlah dilaksanakan di semua peringkat sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat di negara ini merelakan diri untuk menyokong Kerajaan Malaysia dalam segala usaha untuk mencapai keamanan di peringkat antarabangsa. Kita mesti memberi segala sokongan sehiagga Kerajaan kita berjaya mencapai keamanan yang kekal di Afghanistan dan Lubnan kerana keadaan di kedua-dua negara sekarang ini sangat merbahaya kepada segala suasana di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada sedikit pendapat tentang permohonan Sijil Kerayatan. Kebanyakan pemohon terpaksa menunggu selama bertahun-tahun. Di antara mereka ada beberapa pemohon yang terpaksa menunggu selama 15 tahun walaupun mereka telah memenuhi segala syarat-syarat dan juga telah lulus ujian lisan Bahasa Malaysia. Jika mereka menghantar surat pertanyaan terhadap permohonan mereka, maka permohonan mereka yang telah ditangguhkan bertahun-tahun akan terus ditolak dan pemohon yang berkenaan akan dikeheadaki memohon semula. Kebanyakan pemohon telah mencapai umur 50 atau 60 tahun. Jika mereka dipaksa menunggu selama 15 tahun setiap kali mereka memohon kerakyatan Malaysia, maka saya fikir

ramai di antara mereka tidak akan dapat Sijil Kerakyatan sebelum mereka meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pemohon telah berkeluarga di Malaysia. Mereka juga telah memberi sumbangan yang besar dan positif kepada negara ini. Kelakuan dan perangai mereka adalah sentiasa baik dan memuaskan. Mereka juga taat setia kepada Raja dan Negara. Saya harap Jabatan Pendaftaran yang memproses permohonan kerakyatan akan mempercepatkan kerja memproses permohonan Kerakyatan Malaysia supaya imej Kerajaan akan ditingkatkan,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap pihak berkuasa akan bekerja kuat terhadap kes-kes jenayah. Dengan dukacita saya ingin menyatakan masih banyak kes-kes serius masih tidak dapat diatasi. Saya fikir pihak berkuasa polis sentiasa memperlaksanakan operasi mencegah jenayah. Jangan tunggu kejadian jenayah berlaku. Ada satu Simpulan bahasa Inggeris yang berbunyi "Prevention is better than cure". Maknanya dalam Bahasa Malaysia ialah mencegah lebih baik daripada mengubati. Saya ingin mencadangkan kepada pihak berkuasa Polis menambahkan perondaan di kawasan-kawasan yang kejadian kes-kes jenayah banyak berlaku. Pegawai-pegawai polis yang bertanggung jawab patutlah memastikan anggota-anggota polis menjalankan tugas mereka dengan cara betul dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada orang-orang yang berminat **ber-**niaga di luar negeri, mereka patutlah digalakkan dengan pemberian segala kemudahan-kemudahan yang boleh diperolehi dengan minima halangan dan dalam tempoh masa yang berlaku pendek. Permohonan mereka untuk pasport dan segala surat kebenaran patutlah diper-

cepatkan, kerana masa adalah emas kepada saudagar-saudagar. Jangan biarkan ideologi politik atau sentimen perkauman merosakkan peluang perniagaan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan akan terus menjaga segala kemudahan awam seperti pusat pelancongan, tempat hiburan dan rekreasi seperti hotel-hotel, motel-motel dari rumah-rumah persinggahan Kerajaan kerana kemudahan-kemudahan telah dibina atau diperolehi dengan wanga ringgit yang berjuta-juta. Wang ringgit yang banyak ini adalah hasil tenaga dan titik peluh beribu-ribu rakyat jelata. Saya boleh sebutkan satu contoh yang telah diketepikan oleh pihak berkuasa berkenaan, Contoh yang saya hendak sebutkan ialah Rumah Persinggahan di Tanjong Emas, Muar, Johor Darul Takzim. Tempat ini adalah terletak di tepi laut yang indah. Rumah Persinggahan ini telah dibina dengan modal lebih daripada \$1 juta, tetapi keadaan di kawasan ini sangat mendukacitakan kerana hutan kecil, semak dan lalang telah tumbuh di seluruh kawasan Rumah Persinggahan itu. Keadaan yang buruk seperti ini telah dibiarkan lebih kurang selama satu setengah tahun. Hingga setakat ini masih belum ada usaha pemulihan dilaksanakan.

Sekali lagi saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan junjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya menyokong penuh atas Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

6.00 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul menyembahkan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia menikmati suatu institusi yang unik di dunia ini, iaitu Sistem Pemerintahan Beraja, Raja Perlembagaan amat disanjung tinggi oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Fungsi-fungsi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah elok diceritakan dalam Dewan yang mulia ini, dengan izin:

"The King is entitled to any information regarding the operation of the Government and, under the Federal Constitution, the King is responsible for the special rights of the Malays and the legal rights of the other communities".

Saya rasa gembira untuk menyambut aspek ini .

Tuan Yang di-Pertua, dasar ekonomi Kerajaan yang sedia ada iaitu Dasar Ekonomi Baru, polisi ini dipersoalkan secara terbuka bukan mengenai keadilannya tetapi mengenai cara dasar ini diimplementasikan dan sekarang Majlis Perundingan Ekonomi Negara telah ditubuhkan. Nampaknya ini menimbulkan harapan yang besar, 'great-expectation', dengan izin, di kalangan rakyat berbilang kaum. Boleh dikatakan "the survival of multi-racial" Malaysian Government', dengan izin, bergantung sejauh mana Majlis Perundingan Ekonomi Negara ini dapat menggubal satu polisi yang adil dan saksama untuk semua kaum. Majlis Perundingan Ekonomi Negara berhak untuk membuat cadangan ke Kabinet atau Parlimen untuk membuat keputusan muktamad.

Walau bagaimanapun, Majlis Perundingan Ekonomi Negara boleh mempengaruhi Kabinet ataupun Kerajaan kita jika rumusan-rumusan Majlis Perundingan Ekonomi Negara ini 100% jujur, ikhlas dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Ketua Pemuda UMNO, Dato Seri Najib Tun Razak berpendapat bahawa "the Malay poverty should not be forgotten or be denied", dengan izin. Penderitaan umat Melayu pada masa jajahan menghasilkan kemiskinan. ini. Kita rasa simpati mengenai nasib kurang baik rakan kaum Melayu itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa saya cuba terangkan atau menyeru di sini kemiskinan kaum keturunan India haruslah diberikan perhatian yang sama berat oleh Kerajaan kita. Kemiskinan kaum keturunan India pun wujud berikutan dengan sikap diskriminasi oleh Colonialists.

Tuan Yang di-Pertua, imej sesuatu komuniti diperolehi daripada golongan majoriti kaum itu. Apakah jenis golongan memberikan satu imej kepada kaum keturunan India? Ini tentunya golongan pekerja-pekerja estet. Walaupun seorang individu yang keturunan India itu dapat mencapai satu status yang tinggi dalam masyarakat tetapi dari segi penglihatan orang lain ia adalah seorang anak pekerja. Ini satu realiti yang tidak boleh dinafikan jika taraf hidup para pekerja estet itu paling rendah ini akan menjejaskan masa depan pekerja estet oleh kerana jiwa masyarakat keturunan India diletakkan di bidang estet. Jangan salah anggap, kerana kaum India juga akan jadi mangsa jika perkara ini tidak diselesaikan. Jika isu ini dibiarkan ini akan menjadi masalah nasional bagi masyarakat Malaysia pada keseluruhannya. Para pekerja estet ditempatkan seperti di pulau dan corak penempatan adalah dalam kawasan dalaman. Para penduduk estet tidak dapat menikmati faedah-faedah yang dihasilkan oleh pembangunan negara utama. Oleh kerana keadaan yang statik di pulau ini mereka hilang motivasi untuk maju ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti 'Malay Dilemma' yang diceritakan oleh Perdana Menteri kita, hal ehwal mengenai 'Indian Dilemma' boleh diceritakan dengan panjang lebar lagi. Kaum keturunan India menghadapi beberapa kesusahan dan kerumitan dalam pelbagai bidang. Suara kaum itu kadangkala ditenggelamkan. Masalah kaum ini hendaklah didekati dengan perasaan simpati dan muhibah. Kedudukan kaum ini tidak begitu jelas dalam bidang 'corporate sector', pelajaran tinggi, perniagaan, hakmilik tanah, saham dan sebagainya.

Apa yang saya ingin mencadangkan bahawa mass media yang bukan bahasa Tamil seperti akhbar-akhbar Inggeris dan Bahasa Malaysia hendaklah memberikan lebih perhatian kepada soal-soal kaum India atau "the Indian Dilemma" untuk menarik perhatian yang cukup dari pada pihak yang berkuasa. Indian dilemma memerlukan 'wide exposure', dengan izin, dalam bentuk berita untuk mengetuk pintu 'conscience,' Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh seorang Ahli Parlimen Kawasan Marang, daripada 160,000 perniagaan perseorangan dan perkongsian dan 172,000 syarikat yang berdaftar, lebih daripada 80% dipunyai oleh bukan Bumiputera. Hampir 27 buah bandar-bandar besar di seluruh negara 90% tanahnya adalah dimiliki oleh orang yang bukan Bumiputera. Apa yang saya ingin menjelaskan di sini bahawa hakmilik tanah dinikmati oleh bukan Bumiputera tidak semestinya hakmilik kaum keturunan India. Itulah satu ciri dilemma dialami oleh masyarakat ini kerana mereka diletak bawah golongan bukan Melayu. Kadangkala penglibatan masyarakat India dalam sesuatu bidang itu hampir-hampir kosong. Ini boleh dilihat dengan jelas apabila satu perpecahan kaum diperhatikan secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar negara ini kerana sejarah colonial, ia adalah terdiri daripada pelbagai kaum, agama, bahasa dan kebudayaan. Seperti parti UMNO, aspirasi MIC adalah melahirkan kelas menengah India yang 'credible' dan 'Indian commercial and industrial community' yang kuat dan gagah. Kedudukan masyarakat ini dalam bidang-bidang pendidikan tinggi, institusi kewangan, perkhidraatan awam dan 'equity participation' tidak memuaskan. Kita rasa gembira jika diberikan peluang untuk membeli saham ASN kerana 'equity participation' kita ini hanya 1%. Agensi-agensi seperti FELDA, MAS, KTM dan Pelabuhan Kelang hendaklah memberikan 'ethnic representation' kepada masyarakat India. Polisi ekonomi mesti dilaksanakan dalam bentuk tawar-menawar.

Jika sesuatu komuniti memerlukan tindakan 'affirmative' untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam sesuatu sektor tertentu, kelemahan-kelemahan komuniti-komuniti lain mesti diberikan perhatian yang sama. Kita harus berhati-hati supaya kegiatan ekonomi tidak menimbulkan satu situasi di mana kegembiraan satu kaum adalah kesedihan kaum lain, lebih-lebih lagi penyelesaian masalah kemiskinan tidak patut gunakan perhitungan politik. Sikap seperti ini tidak dapat mengubati penyakit kita dalam jangka masa panjang.

Di sini saya katakan syabas kepada Yang Berhormat Saudara Anwar Ibrahim seperti dilaporkan di **New Straits Times**, 14hb Mac, 1989, muka 3, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua:

"The effort to champion the cause of the rural people who are mainly Malays should also be extended to include the Indians, especially the estate residents."

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu kita hendaklah menyerapkan prinsip dan kepercayaan yang terkandung dalam Barisan Rukunegara ke dalam perlembagaan parti-parti politik dan juga manifesto pilihanraya Barisan Nasional.

Kementerian Pendidikan hendaklah menjadikan Rukunegara sebagai bahaa kajian dalam kurikulum kita. Saya merasa bangga negara jiran kita, iaitu Singapura berminat untuk mengkaji Rukunegara kita, juga konsep PANCASILA di Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, corak masyarakat berbilang bangsa di negara kita ini "demands" political alliance", dengan izinnya, di antara berbagai kaum sebelum satu proses integrasi yang lebih bermakna dapat dicapai dengan mantap. Kalau dikatakan, politics is the art of the possible, dengan izin, maka Tunku, Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sekarang Perdana Menteri kita, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad boleh dikurniakan pujian yang tinggi kerana menggubal politik yang pragmatik, yang boleh berfungsi dalam kandungan masyarakat majmuk ini. Allahyarham Tun Abdul Razak;adalah arkitek Parti Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Parti Perikatan adalah sebuah kekuatan politik yang kukuh sehingga tahun 1969, ianya could not stand the test of time, brought about by the elections in 1969, politically the alliance exhausted, dengan izinnya, ia telah hilang tenaga, ia tidak menyesuaikan dirinya terlebih awal untuk menghadapi the simmering public opinion, dengan izinnya. The voters found their turbulent outlet through the 1969 election. Perkembangan selepas ini pun memberikan kita satu pengajaran yang enlightening, politically we woke up after a deep slumber, dengan izin, akibatnya wujudlah Barisan Nasional. Kewujudan ini bukan suatu proses daya kreatif yang mengejutkan, malah proses ini adalah satu kelahiran yang logik berasaskan kepada pengalaman dan penelitian.

Skop Barisan Nasional ini diperlukan lagi di bawah pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir untuk "accomodate" unsur-unsur politik yang lain. Barisan Nasional berjaya mengurangkan perpecahan politik, UMNO pun tidak begitu kedekut untuk berkongsi kuasa politik dengan parti-parti lain. Apa yang saya ingin menjelaskan di bawah ini, Barisan Nasional dilahirkan dalam satu keadaan politik yang terdesak, jadi kita hendaklah berusaha terus menerus untuk mengekalkan semangat Barisan Nasional di antara rakyat. Dacing Barisan Nasional hendaklah menjadi suatu dacing yang adil, neraca dua itu hendaklah mengandungi tuntutan-tuntutan segala golongan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Barisan Nasional mula menghormati segala janji yang terkandung dalam manifesto pilihanraya Barisan Nasional dalam tahun 1986. Barisan Nasional telahpun berjanji satu polisi ekonomi baru diwujudkan selepas tahun 1990 - hanya dengan buah fikiran segala kaum, jadikan itulah Majlis Perunding Ekonomi Negara sekarang. Ada kursus dan diploma di Kolej Tunku Abdul Rahman mula mendapat pengiktirafan Kerajaan. Perkara 21, Akta Pelajaran 1961 pun saya harap dapat diselesaikan dengan memuaskan bagi semua pihak yang berkenaan. Selaras dengan semangat Barisan Nasional, Timbalan Perdana Menteri kita berkata Kerajaan tidak menyekat budaya-budaya kaum lain. Ini semua tanda-tanda yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Kementerian Dalam Negeri dan pihak Polis hendaklah berhati-hati sebelum mengeluarkan permit untuk mengadakan pertunjukan Malam Kebudayaan Tamil. Ada pihak yang

tidak bertanggungjawab menggunakan Majlis Kebudayaan sebagai gelanggang politik untuk mengadakan rapat umum secara haram dengan menggunakan kata-kata penghasutan. Kegiatan ini keterlaluan dan melampau. Tujuan mereka semata-mata mengutuk puncak pimpinan MIC, khususnya Yang Berhormat Dato' S. Saray Vellu, seorang pemimpin tiang Barisan Nasional. Keadaan ini akan menjejaskan imej Barisan Nasional, dan saya merayu kepada pihak berkuasa, khususnya Polis untuk mengambil tindakan sewajarnya yang tegas ke atas puak-puak yang tidak bertanggungjawab dan meneliti sebelum mengeluarkan permit mengadakan pertunjukan Malam Kebudayaan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua; Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby.

6.15 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini merafakkan sembah, menjunjung kasih dan melafazkan setinggi penghargaan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diatas istiadat pembukaan Sidang Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan kehendaknya dengan limpah kurnianya, negara kita Malaysia dapat mengekalkan sistem Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja Berperlembagaan diperkenalkan apabila negara mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos, 1957 sehinggalah sekarang. Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kelapan sekarang, Sultan Mahmud Iskandar Alhaj Ibni Almarhum Sultan Ismail dari Johor yang akan tamat penggal pemerintahan Baginda pada 25hb April, 1989 telah menawan hati rakyat jelata di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Dengan pemerintahan Baginda yang amat cemerlang itu kita hari ini menyampaikan setinggi-tinggi tahniah.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin, Ghafarullahu-lahu-Shah akan selamat bersemayam diatas singgahsana Takhta Kerajaan Malaysia sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kesembilan mulai 26hb Mac, tahun ini seperti mana yang diisytiharkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak negeri Pulau Pinang, saya merasa bangga kerana bakal Permaisuri Agong, Tuanku Bainun binti Ali telah dilahirkan di Pulau Pinang, menerima didikan awal di Sekolah St. Georges, Pulau Pinang, sebelum dipilih melanjutkan pelajaran ke Kirby, London pada tahun 1952. Sebagaimana seluruh rakyat negeri Perak Darul Ridzuan merasa bangga dan mengalu-alukan perlantikan Paduka Seri Sultan Perak dan Raja Permaisuri Perak sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong yang kesembilan, saya serta rakyat Pulau Pinang juga turut rasa megah kerana dalam sejarah negeri Pulau Pinang kami tidak pernah ada Permaisuri, seorang anak negeri Pulau Pinang. Saya berdoa, Tuan Yang di-Pertua, agar di bawah pemerintahan Baginda nanti negara ini akan bertambah maju dan dapat mewujudkan perpaduan yang lebih kukuh di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menyentuh ancaman pengedaran dan penagihan dadah. Penagihan dadah yang menjadikan golongan belia sasaran utama, di mana ibu bapa di kehendaki mengambil berat akan masalah ini dengan mengawasi anak-anak mereka supaya tidak terlibat dengan kegiatan penagihan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kebudayaan dan Sukan di dalam Dewan ini pada 12hb April, 1984 menyentuh Kementerian memberi galakan dan memainkan peranannya supaya jumlah golongan belia menyertai Persatuan Belia bertambah dan juga mewujudkan lebih banyak persatuan-persatuan Belia. Dengan cara berpersatuan, mereka dapat diberi bimbingan supaya berdisiplin dan berbaik. Malangnya ketika ini, Tuan Yang, di-Pertua, sudah banyak persatuan-persatuan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya oleh pihak Pendatar Pertubuhan kerana tidak mempunyai pentadbiran yang baik. Tindakan ini bukan sahaja menakutkan mereka yang baru berjinak-jinak dengan persatuan, malah langaung tidak mahu memegang jawatan-jawatan penting di dalam persatuan. Ini berlaku adalah berpunca dari tindakan atau perkara-perkara berikut:

Jawatan penting masih disandang oleh mereka yang sudah melewati umur belia dan tidak mahu memberi peluang kepada golongan yang lebih muda mengambil alih untuk meneruskan kesinambungan perjuangan masyarakat belia dengan inspirasi citarasa baru lagi bertenaga.

Tidak ada satu cara, panduan yang praktikal digariskan oleh Kementerian Belia dan Sukan mahupun Majlis Belia Negara mengemaskinikan pentadbiran Pertubuhan Belia di semua peringkat.

Kesedaran sivik dan untuk menjalankan kerja-kerja amal secara sukarela sudah tidak mendatangkan keberkesanannya lagi kerana kurangnya daya saing yang tinggi dan ingin terus mencuba walaupun sukar untuk diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya mengesyorkan supaya langkah-langkah wajar perlu diambil oleh Kemeaterian Belia dan Sukan kerana menumpukan kesedaran generasi belia yaag menjadi aset utama negara kita. Peranan generasi belia amat penting dalam saat-saat negara menuju pembangunan dalam pelbagai bidang seperti pertanian dan perindustrian. Antaranya, saya berkeyakinan dapat membangunkan negara dan mengurangkan masalah pengangguran generasi belia. Menubuhkan sekolah jasmani yaag diiktirafkan oleh Kerajaan di mana mereka yang kandas dalam akademik dapat mencuba aliran jasmani sebagai kerjaya. Sedikit tidaknya ini dapat memberi pilihan kepada mereka yang berminat dalam bidang jasmani. Selain dari pendidikan formal, pendidikan secara tidak formal juga seharusnya diberi perhatian utama kerana ia dapat memenuhi sebahagian kehendak generasi muda masa kini.

Pihak Kementerian Belia dan Sukan perlu mensekukan semua perkara dasar pertubuhan merangkumi pentadbiran, perlembagaan dan bidangkuasa Persatuan-persatuan Belia, seperti contoh:-

- (1) Tempoh perkhidmatan dalam persatuan.
- (2) Had umur penglibatan dalam Persatuan Belia.
- (3) Matlamat Persatuan Belia.

Mewajibkan setiap belia yang ingin memohon pekerjaan sama ada swasta ataupun Kerajaan mestilah sudah menjadi ahli Persatuan Belia. Dengan yang demikian Persatuan Belia akan lebih memberi makna dan dihormati oleh semua pihak. Meletakkan satu garis panduan yang jelas untuk mengelakkan Persatuan-persatuan Belia dari diperalatkan oleh kepentingan politik peribadi,

Tuan Yang di-Pertua, dalam muka 6 paragraph 3, Baginda bertitah agar semua rakyat Malaysia menghargai serta menjunjung tinggi perkhidmatan, Pasukan Keselamatan yang telah mempertahankan kedaulatan negara dengan cemerlangnya. Kita telahpun dengar Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid telahpun membincang ataupun membahas dengan panjang lebar hal bekas perajurit, persatuan dan masalah-masalah bekas-bekas perajurit, tetapi saya akhir-akhir ini oleh kerana telahpun menghampiri dan menjadi. Penasihat kepada beberapa persatuan di Pulau Pinang, saya dapati beberapa perkara ini saya perlulah bawa juga dalam Dewan. yang mulia, ini agar kita dapat membawa satu kejayaan sekurang-kurangnya ataupun menyampaikan hasrat mereka yang terpendam.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini rakyat Malaysia berbilang kaum jangan menafikan bahawa mereka dapat tidur lena dengan lenyap tanpa mendengar sebarang letupan atau bunyi bising tembak-menembak yang

menakutkan kita, seperti kadangkala jika berlaku hal yang begini, kita anggap nyawa kita berada di hujung tanduk. Maka kita diperingatkan oleh Baginda untuk mengenang jasa dan khidmat bakti Pasukan Keselamatan yang sedia dan rela gadai nyawa untuk menyelamatkan negara dari sebarang ancaman luar ataupun dalam. Di samping itu kita harus jangan lupa jasa bekas perajurit yang telah bersara dengan pencen kecil dan sedang merayau ke sana ke sini mencari kerja dalam usia yang muda untuk menampung kehidupan keluarganya yang kini berada lebih buruk dari seekor ayam - kais pagi hanya dapat makan petang aahaja. Dalam zaman persaingan ini sukar bagi mereka mendapat pekerjaan di pejabat ataupun di gudang kerana pihak swasta kini sudah banyak bercerewet, banyak sangat meletak syarat. Persatuan-persatuan Bekas Perajurit banyak "mengeluarkan surat sokongan tetapi akhirnya kecewa.

Maka saya ingin syorkan kepada Kerajaan di Dewan yang mulia ini agar satu Tabung Khas Niaga (Special Fund) sebanyak \$50 juta diwujudkan untuk bekas-bekas perajurit di seluruh Malaysia yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan secara kecil—kecilan dan secara perkongsian di antara mereka. Pinjaman ini harus dibayar balik dalam satu tempoh yang ditetapkan dan kelulusan pinjaman ini jangan memakan masa yang terlalu lama seperti menunggu kucing bertanduk. Jangan adakan sebarang cagaran, memadailah khidmat bakti mereka itu sebagai cagaran. Had maksima pinjaman ialah \$25,000. Saya bercakap ini seolah-olah sudah ada Tabung tersebut kerana saya yakin Kerajaan Malaysia sekarang berkemampuan berbuat demikian.

Jangan pula ada Menteri yang datang nanti menjawab syor saya Ini dengan alasan bekas perajurit sudah diberi peluang itu dan peluang ini dan akhirnya seperti kata Allahyarham P. Ramlee: "Masuk angin keluar asaplah!" **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, jika skim ini dijalankan, saya percaya ini akan memberi satu insentif kepada mereka yang tidak ingin menjadi askar khususnya di kalangan bukan orang Melayu. Selain daripada itu bekas-bekas perajurit tidak akan hidup melarat, bosan dan sebagainya jika mereka tidak dipedulikan dan membiarkan begitu sahaja. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, satu malapetaka akaa menimpa kita nanti kerana mereka sudah tidak mengerti apakah ertinya perkataan sabar, nauzubillah minzalik, Allah akan menjauhkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda dalam Titahnya di muka 5 paragraph akhir telah memperingatkan rakyat jelata yang Baginda kasihi agar menghargai usaha-usaha pembaharuan yang dipergiatkan oleh Kerajaan di bidang pendidikan sebagai langkah untuk memenuhi keperluan negara pada masa ini dan akan datang. Kita rakyat Malaysia diminta bekerjasama menyokong dan menyumbang secara membina untuk menjayakan pelaksanaan Sistem Penggal Persekolahan Baru dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Memang kena pada masanya kita mempunyai sistem sendiri dan tidak meniru sistem negeri-negeri lain untuk menjamin persekolahan dan peperiksaan akan tidak terganggu-gugat di musim-musim tengkujuh dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby; saya minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.